

Tr>k  
11111>

# iffik PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEDUABELAS 2010

Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian

HARI ISNIN: 12 APRIL 2010

CAWAIMGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA.

## KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LIS AN YANG TIDAK DAPAT DI JAWAB DIDALAM DEWAN  
(SOALAN NO. 10,12 HINGGA 71 )

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9

DAN 11

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

### **PERTANYAAN**

**DARI PAD A LISAN TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF**

**TARIKH 12 APRIL 2010**

### **SOALAN**

*\* to*

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yus off [ Balik Pulau ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah cadangan Kerajaan untuk menggantikan perlaksanaan PTPTN yang banyak mendapat rungutan dan dianggap beban kepada pelajar dan ibu bapa.**

### **JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk menggantikan PTPTN kerana ianya telah banyak membantu para pelajar meneruskan pengajian ke IPT. Sejak penubuhannya pada**

/

tahun 1997 sehingga Disember 2009, sejumlah 1.4 juta pinjaman telah diluluskan dengan komitmen sehingga pelajar tamat pengajian sebanyak RM31.3 bilion. Sejumlah RM21.0 bilion telah dikeluarkan kepada pelajar berkenaan untuk membiayai pengajian mereka.

Tuan Yang Di Pertua,

Mengenai rungutan tentang sistem penyampaian sehingga membebankan para pelajar dan ibu bapa, Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa memantau bagi memastikan PTPTN meningkatkan prestasi perkhidmatan melalui penambahbaikan sistem pengurusan berkomputer, peningkatan kemahiran kakitangan, penambahan penggunaan sistem permohonan pinjaman secara online, mempelbagaikan saluran bayaran balik pinjaman melalui potongan gaji, pembayaran melalui kaunter bank dan perbankan internet. PTPTN juga telah menujuhkan cawangan-cawangan seperti One Stop Center di KL Sentral serta Infocenter di Kuching, Sarawak dan Kota Kinabalu, Sabah.

NO. SOALAN: 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**DARI PAD A : TUAN LIEW CHIN TONG [ BUKIT BENDERA ]**

**TARIKH**                   **12 April 2010**

**SOALAN**

**Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ]** meminta **PERDANA MENTERI**

menyatakan sama ada bancian rakyat yang akan dijalankan pada tahun 2010, bila ia dijadualkan, kos band tersebut dan adakah ia mengambil kira bilangan dan jenis OKU.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Band Penduduk dan Perumahan Malaysia kali yang kelima akan dijalankan pada tahun 2010. Kerja-kerja pembandan akan dijalankan mulai 6 Julai 2010 hingga 22 Ogos 2010 terhadap semua jenis tempat kediaman dan penduduk yang tinggal di tempat kediaman biasa mereka pada Hari Band. Ini termasuk bukan warga yang telah/akan tinggal di Malaysia bagi tempoh enam bulan atau lebih dalam tahun 2010. Hari Band ialah pada 6 Julai 2010.

Pelaksanaan Band 2010 telah diluluskan oleh kabinet dalam Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 22 April 2009. Peruntukan untuk Band ini adalah sebanyak RM200.2 juta.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, orang-orang OKU akan diband di tempat kediaman mereka dan terdapat soalan berhubung jenis OKU.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	BAGI JAWAB LISAN
DARI PAD A	DATOK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH
TARIKH	[JASIN]
SOALAN	12 APRIL 2010 (ISNIN)
	13

Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah bentuk koordinasi antara Jabatan dalam menguatkuasakan undang-undang supaya kenderaan berat tidak mengangkut lebih daripada muatan yang dibenarkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah Seksyen 19 (3), Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) 1987, kuasa untuk mengambil tindakan ke atas pemandu, pemilik dan orang yang menyebabkan kesalahan lebih muatan adalah dikuatkuasakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Sehubungan dengan itu, bagi memudahkan penguatkuasaan ke atas kesalahan lebih muatan, JPJ dilengkapkan dengan 50 Stesen Penguatkuasa di mana terdapat alat timbang tetap dan 47 unit timbang mudah alih di seluruh negara.

Koodinasi di antara Agensi / Jabatan dalam menguatkuasakan undang-undang berhubung dengan kesalahan lebih muatan telah dipertingkatkan dan diperkemaskan melalui persetujuan bersama. Berdasarkan kepada persetujuan itu, PDRM akan memberi tumpuan yang lebih ke atas kawalan trafik dan kesalahan lalu lintas, manakala JPJ akan memberi tumpuan ke atas kesalahan yang melibatkan kenderaan perdagangan termasuk kesalahan

membawa lebih muatan. Walau bagaimanapun, persetujuan tersebut adalah tidak mengikat PDRM dan JPJ untuk hanya memberi tumpuan kepada peranan masing-masing sahaja. Sebaliknya, PDRM dan JPJ saling bekerjasama melaksanakan operasi khas terhadap kesalahan lebih muatan dan operasi bersepada. Pihak PDRM juga boleh menggunakan mana-mana Stesen Penguatkuasa JPJ bagi tujuan menimbang kenderaan yang membawa lebih muatan pada bila-bila masa yang diperlukan.

Di samping itu, untuk meningkatkan keberkesaan tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan lebih muatan, JPJ akan mengemukakan laporan kesalahan yang berulang melebihi tiga kali kepada LPKP dengan perakuan sama ada untuk menggantung atau membatal Lesen Kenderaan Barang-Barang (permit) di bawah Seksyen 25, Akta LPKP 1987. Dalam pada itu, JPJ pula akan mengambil tindakan untuk menggantung atau membatalkan Lesen Memandu Kenderaan Barang (Goods Driving License - GDL) di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 ke atas pemandu yang melakukan kesalahan yang sama secara berulang melebihi tiga kali.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN** LISAN

**DARI PADA** : TUAN CHONG CHIENG JEN

[BANDAR KUCHING]

**TARIKH** : 12 APRIL 2010

**SOALAN**

Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah pendirian Kerajaan Persekutuan atas penafian Kerajaan Negeri Sarawak bahawa pembalakan yang tidak terkawal dan haram di Sarawak telah menyebabkan banjir di kawasan Sungai Rejang. Apakah langkah-langkah tegas yang akan diambil untuk memberhentikan pembalakan yang tidak terkawal itu.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan sememangnya memandang serius mengenai isu pembalakan haram. Namun begitu, kenyataan Ahli Yang Berhormat Bandar Kuching bahawa pembalakan yang tidak terkawal dan haram di Sarawak telah menyebabkan banjir di kawasan Sungai Rejang adalah kurang tepat.

Ini adalah kerana banjir merupakan fenomena alam semulajadi yang boleh berlaku di mana-mana sahaja. Kawasan hilir Batang Rejang merupakan kawasan rendah dan berpaya (*low lying area*) dan kerap berlaku banjir apabila hujan lebat berserta air pasang besar (*king tide*). Batang Rejang merupakan sungai yang terpanjang di Sarawak dan meliputi kawasan tadahan air yang luas.

Apabila berlakunya hujan lebat di kawasan tadahan air yang lebih tinggi di pedalaman (hulu) seperti di Kapit, Belaga dan Baleh, ia akan mengakibatkan isipadu air Batang Rejang meningkat dengan mendadak dan menyebabkan banjir di kawasan rendah seperti Bandar Sibu dan kawasan hilir Sungai Rejang tersebut.

Walaupun aktiviti pembalakan belum giat dilaksanakan pada tahun 1960 an, keadaan banjir besar juga pernah berlaku di Sarawak pada ketika itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu mesyuarat khas yang dipengerusikan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah diadakan bersama-sama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak serta Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri di Semenanjung Malaysia pada 10 November 2009. Mesyuarat tersebut telah mengkaji dan membincangkan teguran-teguran audit di dalam laporan tersebut secara terperinci.

Kementerian seterusnya akan memantau tindakan-tindakan penambahbaikan terhadap teguran-teguran dalam Laporan Ketua Audit Negara 2008 untuk memperkasa dan memantapkan lagi peranan dan tanggungjawab Jabatan Hutan Sarawak ke arah penyampaian dan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan, terutamanya di dalam Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (Sustainable Forest Management - SFM).

Sekian, terima kasih.



*Uf-19.***SJ.B/(110)**

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA :** DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB

**PERTANYAAN :** LISAN

**TARIKH** : 12.04.2010 **No:** f{J}

**Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib (Langkawi) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan adakah pihak Kementerian melalui syarikat Prokhas akan menyambung program "Corporate Social Responsibility mereka untuk membantu dan memperbaiki rumah rakyat termiskin. Jika tidak, mengapa,**

*t*

**JAWAPAN:**

**PROGRAM AMAL JARIAH yang dikendalikan oleh Prokhas telah dimulakan pada tahun 2008 dengan peruntukan awal sebanyak RM50 juta. Sebanyak 8,858 buah rumah rakyat miskin dan miskin tegar telah berjaya di baik pulih melalui Program ini sepanjang tahun tersebut.**

**Pada tahun 2009, Kerajaan telah mengeluarkan peruntukan yang sama iaitu berjumlah RM50.0 juta kepada Prokhas untuk Program ini. Sebanyak 9,493 rumah telah berjaya di baik pulih melalui peruntukan tersebut menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 18,351 buah rumah rakyat miskin dan miskin tegar yang berjaya di baik pulih melalui**

Program ini.

Bagi tahun 2010 dan seterusnya, Kerajaan akan meneruskan program membantu rakyat miskin dan miskin tegar yang memiliki pendapatan di bawah garis kemiskinan iaitu pendapatan bulanan isi rumah adalah kurang daripada RM2.000 memiliki atau membaik pulih rumah melalui Program Bantuan Rumah (PBR) di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat yang dikendalikan oleh Kementerian Kemajuan Luar bandar Dan Wilayah (KKLW).

Usaha berterusan ini dapat membantu rakyat miskin dan miskin tegar memiliki rumah seperti mana yang mereka perlukan selaras dengan pembentukan masyarakat penyayang dan matlamat Wawasan 2020.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARI PADA Y.B DATO' SERI ANWAR  
BIN IBRAHIM  
(PERMATANG PAUH)**

**TARIKH 12 APR 2010  
(ISNIN)**

**SOALAN:**

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan status cadangan projek pembinaan hub industri pertahanan, nilai kos projek, syarikat-syarikat yang terlibat dalam pembinaannya dan sejauh mana wujud ketelusan dalam pemberian tender pembinaan projek tersebut serta keluasan pengambilan tanah milik persendirian dan pampasan yang ditawarkan.

## **NO SOALAN : 16**

Mesy Pertama DR/10 12.04.10 / DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PERMATANG PAUH]

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan berhasrat untuk membangunkan *Malaysia Defence and Security Technology Park (MDSTP)* atau Taman Teknologi Pertahanan dan Keselamatan di atas tanah milik Persekutuan kegunaan Kementerian Pertahanan di Sungkai, Perak dengan keluasan sebanyak 1,217.8963 ekar (492.8657 hektar).

*Malaysia Defence and Security Technology Park (MDSTP)* ini bakal berfungsi sebagai pusat perkembangan idea, sains dan teknologi bagi Angkatan Tentera, ahli akademik serta penggiat industri pertahanan di rantau ini. Ia juga menempatkan institusi pembelajaran, pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D), kilang serta pejabat operasi syarikat-syarikat industri pertahanan terbabit. Matlamat utama penubuhan pusat ini adalah untuk memastikan negara-negara ASEAN dapat bekerjasama dan berintegrasi dalam mengeluarkan peralatan dan teknologi peralatan pertahanan serta mengurangkan kebergantungan kepada negara pengeluar luar. Di samping itu ianya juga dapat mengelakkan negara-negara ASEAN menjadi tempat lambakan peralatan tentera usang dari negara-negara Eropah Barat dan Timur serta Amerika Syarikat.

Mesy Pertama DR/10 12.04.10 / DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PERMATANG PAUH]

Tapak yang dicadangkan untuk pembangunan *Malaysia Defence Technology Park* ini seluas 1,217.8723 ekar melibatkan 941.1923 ekar tanah Kerajaan yang telah diluluskan pemberimilikan kepada Kerajaan Persekutuan pada 22 Disember 2004 dengan premium sebanyak RM726,125.00. Manakala 21 lot tanah milik persendirian seluas 276.68 ekar

**telah diambil balik oleh Kerajaan Persekutuan dengan bayaran pampasan berjumlah RM17.76 juta pada 11 Januari 2005.**

**Kementerian Pertahanan masih dalam proses mengkaji dan meneliti konsep pembangunan MDSTP dan secara berterusan melaksanakan perbincangan dengan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan seperti Jabatan Peguam Negara, MITI, MIDA dan pihak berkuasa Kerajaan Negeri bagi merealisasikan projek ini.**

Mesy Pertama DR/10 12.04.10 / DATO\* SERI ANWAR BIN IBRAHIM (PERMATANG PAUH)

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN**

### **RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA DATUK BILLY ABIT JOO [ HULU RAJANG ]**

**SOALAN NO: 17**

**TARIKH                          12 APRIL 2010 (ISNIN)**

**SOALAN**

Datuk Billy Abit Joo [ Hulu Rajang ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan sama ada terdapat rancangan untuk menyediakan khidmat kemudahan telefon dan servis radio (Iban/ Kayan/ Kenyah) di kawasan Ulu Belaga dan Kapit (Lusong Laku, Upper Bakun, Balleh, Gaat, etc) yang akan sampai hari ini tidak mempunyai kemudahan asas ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa prihatin dalam memastikan masyarakat luar bandar tidak terpinggir dalam arus kemodenan. Bagi memastikan masyarakat ini menikmati kemudahan-kemudahan seperti telefon mudah alih, pada tahun 2008, Kerajaan telah memperkenalkan Program Time 3 untuk

memperluaskan liputan selular di seluruh negara termasuk kawasan-kawasan pedalaman. Program ini mensasarkan peningkatan kadar liputan populasi negara kepada 97% menjelang pertengahan tahun 2011 dengan pembinaan 1000 menara baru di seluruh negara.

Kawasan-kawasan tumpuan ialah kawasan pedalaman dan kawasan perkampungan dengan kepadatan penduduk kurang daripada 80 orang per kilometer persegi. Kawasan ini merangkumi penempatan Felda, Felcra, kawasan perladangan, penempatan Orang Asli, kawasan tumpuan pelancong yang baru dan jalan-jalan persekutuan yang penting.

Bagi negeri Sarawak, sebanyak 203 menara dirancang untuk dibina di bawah program tersebut. Daripada jumlah ini, sebanyak 14 menara akan dibina di daerah Kapit dan Belaga. Apabila pelaksanaan menara-menara ini siap kelak, masyarakat di kawasan berkenaan akan dapat menikmati perkhidmatan selular menjelang pertengahan tahun 2011. Di samping itu, terdapat 3 menara baru yang dibina oleh syarikat pemberi perkhidmatan di daerah tersebut yang turut menyumbangkan kepada peningkatan liputan.

Selain itu, terdapat perkhidmatan telefon talian tetap di kawasan Ulu Belaga dan juga Kapit yang telah disediakan pada tahun 2007. Sebanyak 500 talian telefon individu dan 30 talian berbayar telah disediakan setiap satu di kedua-dua kawasan tersebut.

Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) pula dalam proses pemasangan dua buah pemancar radio gelombang pendek untuk perkhidmatan radio di Sarawak. Projek ini dijangka siap akhir Oktober 2010 dan apabila siap

**kelak, rakyat di pedalaman Sarawak dapat mengikuti siaran radio dari RTM Sarawak.**

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARI PADA	Y.B. DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY (BATU KAWAN)
TARIKH	12.04.2010

SOALAN:

Y.B. DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY [ BATU KAWAN ] minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah penyusunan mata pelajaran bagi peperiksaan SPM mengetepikan pelajar-pelajar India untuk mengambil kedua- dua mata pelajaran Bahasa Tamil dan Kesusasteraan Tamil di mana pelajar- pelajar India berhak mendapatkan pengiktirafan kedua-dua mata pelajaran ini dalam sijil SPM mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pelaksanaan dasar pendidikan di Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mengambil kira keperluan dan kepentingan semua kaum di negara ini. KPM tidak pernah mengabaikan kepentingan mana-mana murid khususnya dalam pelaksanaan mengehadkan jumlah mata pelajaran dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Sehubungan itu, melalui Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 23 Disember 2009, Jemaah Menteri telah bersetuju supaya calon yang akan menduduki peperiksaan SPM mulai tahun 2010 dibenarkan untuk mengambil dua lagi mata pelajaran sebagai tambahan. Dua mata pelajaran tambahan tersebut mestilah dipilih daripada mana-mana mata pelajaran yang telah disenaraikan dalam mata

pelajaran SPM selain daripada mata pelajaran teras. Jumlah keseluruhan mata pelajaran yang boleh diambil oleh calon adalah dua belas (12). Oleh itu, calon khususnya dalam kalangan murid berketurunan India bolehlah mengambil mana-mana mata pelajaran yang diminati termasuklah mata pelajaran bahasa Tamil dan Kesusastraan Tamil.

Rjm 107

## **SOALAN NO: 19**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN

TARIKH: 12 APRIL 2010

SOALAN:

**Y.B. Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [ Hulu Terengganu ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah garis panduan bagi menentukan gaji minimum kepada pekerja swasta yang terlibat kejaya-kerja pembersihan dan keselamatan bangunan kerajaan.

PR-1231-L36111

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Kerajaan tiada menyediakan garis panduan penetapan gaji minimum untuk pekerja swasta, termasuk pekerja yang terlibat dalam kerja-kerja pembersihan dan keselamatan bangunan kerajaan.

Berhubung dengan gaji minima, Kementerian Sumber Manusia (KSM) sentiasa terbuka dan sedang meneliti secara mendalam dan berhati-hati cadangan untuk mengadakan gaji minimum memandangkan terdapat dua (2) pandangan yang berbeza tentang perkara ini iaitu pertama pandangan yang menyokong dan kedua pandangan yang menentang pelaksanaan gaji minimum dengan hujah-hujah yang tertentu. Justeru, KSM berpandangan adalah wajar pandangan yang lebih menyeluruh daripada rakyat diperolehi terlebih dahulu supaya sebarang keputusan yang bakal diambil oleh Kerajaan akhirnya akan memberi manfaat kepada rakyat, para pelabur dan seterusnya memantapkan ekonomi negara. Untuk itu, KSM telah melancarkan satu blog iaitu blog.mohr.gov.my bagi mengumpul seberapa banyak pandangan, idea, cadangan dan komen daripada rakyat, untuk tempoh dua bulan mulai 24 Mac 2010. Maklumat yang dikumpulkan akan dianalisis dan seterusnya dibawa kepada Kerajaan untuk pertimbangan dan keputusan.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN	:	LISAN
TARIKH		12 APRIL 2010 (ISNIN)
DARI PADA		Y.B. TUAN HEE LOY SIAN
(PETALING		JAYASELATAN)

**SOALAN**

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN (PETALING JAYA SELATAN) minta MENTERI PERUAAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan bagaimanakah Kementerian memastikan kejayaan pengurusan JMB dan keberkesanannya dalam mengutip wang penyenggaraan bulanan flat atau pangsapuri supaya semua bangunan itu dapat disenggarakan dengan baik khasnya lif-lif yang rosak dapat dibaiki dengan segera demi kebijakan semua penduduk.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berpandukan dengan Akta yang sedia ada, tindakan penguatkuasaan boleh diambil oleh Badan Pengurusan

(JMB/MC) sendiri ataupun Pesuruhjaya Bangunan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan(PBT) seperti ‘*writ of summon*’, sita dan lelong dan pendakwaan di mahkamah bagi tujuan mendapatkan caj penyenggaraan atau hutang yang tertunggak

Kementerian  
Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan

April 2010

**Soalan No: 21**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATUK BUNG MOKHTAR BIN RADIN

[ KINABATANGAN - BN ]

TARIKH 12 APRIL 2010 (ISNIN)

**SOALAN NO. 21**

**Datuk Bung Moktar Bin Radin [ Kinabatangan - BN ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan tentang usaha Kerajaan dalam membantu golongan belia

luar bandar untuk lebih maju dalam bidang kehidupan terutamanya di bidang sukan

dan keusahawanan.

**JAWAPAN:**

Bagi membantu dan memajukan golongan belia luar bandar terutamanya dalam bidang sukan dan keusahawanan, Kementerian Belia dan Sukan telah menjalankan usaha-usaha seperti berikut:

1. Menyediakan pelbagai program pembangunan sukan untuk meningkatkan penglibatan masyarakat termasuk golongan belia luar bandar. Pada tahun 2010, sebanyak 5,513 program akan dilaksanakan di seluruh negara meliputi aktiviti sukan, rekreasi, permotoran dan kecergasan.
2. Menyediakan kemudahan sukan di kawasan luar bandar seperti Gelanggang Rakyat untuk setiap DUN di seluruh negara (2 gelanggang setiap DUN). Sebanyak **1,178 Gelanggang Rakyat** telah dan akan dibina. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 401 buah gelanggang telah siap.
3. Menggalakkan penubuhan Kelab Sukan Komuniti untuk menggiatkan lagi aktiviti-aktiviti sukan di kawasan luar bandar. Sehingga kini, sebanyak 576 buah Kelab Sukan Komuniti di kawasan DUN dan 13 buah kelab di kawasan Parlimen telah ditubuhkan.
4. Dalam bidang keusahawanan pula, Kementerian giat melaksanakan program-program keusahawanan seperti Program *Smart Partnership Usahawan Belia*, Program Bimbingan Usahawan Belia, Kursus Teknikal Tani, Seminar Potensi dan Peranan Usahawan dan Pengurusan Kredit *Non Performing Loan*.

PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12 APRIL 2010 (ISNIN)

## **SOALAN ( 22 )**

DARI PADA

Y.B. TUAN GWO-BURNE LOH  
(KELANA JAYA)

SOALAN

Y.B. TUAN GWO-BURNE LOH (KELANA JAYA) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN apakah bentuk demokrasi yang kita miliki apabila kita tidak membenarkan rakyat memilih wakil di peringkat Kerajaan tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah seksyen 15(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), pilihanraya Kerajaan Tempatan hendaklah dihentikan. Undang-undang Kerajaan Tempatan di Sabah dan Sarawak juga tidak mempunyai peruntukan tentang pilihanraya Kerajaan Tempatan.

Akta 171 Seksyen 10 memperuntukkan bahawa sesebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan mengandungi Datuk Bandar atau Yang DiPertua serta tidak kurang daripada lapan (8) dan tidak lebih daripada 24 orang Ahli Majlis yang dilantik daripada kalangan mereka yang mempunyai pengalaman luas mengenai PBT yang mereka diamti atau mereka yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang masing-masing.

Kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan semula pilihanraya Kerajaan Tempatan kerana tiada undang-undang yang membolehkan ianya diadakan kecuali undang-undang tersebut dipinda.

Pilihanraya Kerajaan Tempatan boleh menjelaskan tumpuan PBT selaku agensi barisan hadapan dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat kerana tumpuannya akan lebih menjurus kepada hal-hal yang berkaitan dengan urusan pilihanraya. Urusan pilihanraya bukan sahaja melibatkan masa dan kos malah tenaga kerja di samping kemungkinan wujudnya unsur-unsur kurang sihat oleh pihak-pihak tertentu yang berteraskan kepentingan politik masing-masing.

Pilihanraya Kerajaan Tempatan bukanlah faktor yang menentukan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan PBT. Kecekapan PBT adalah berdasarkan gabungan pelbagai faktor seperti kepimpinan yang dinamik, tenaga kerja yang mahir dan terlatih, proses dan prosedur kerja yang cepat dan mudah, perancangan bandar yang mapan, keseragaman undang-undang dan peraturan, pengurusan sumber hasil dan kewangan yang cekap, pelaksanaan projek pembangunan yang berkesan dan sebagainya.

Kementerian  
Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan

April 2010

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.  
DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**SOALAN NO : 23**

**DARIPADA :**           **TUAN DING KUONG HUNG**  
                          **[ SARIKEI ]**

**TARIKH**                   **12 APRIL 2010**

**SOALAN**

**Tuan Ding Kuong Hiing [ Sarikei ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah klinik 1 Malaysia yang telah beroperasi di seluruh negara. Nyatakan juga bilangan klinik 1 Malaysia yang telah beroperasi di Sarawak. Apakah kriteria-kriteria dan syarat-syarat yang telah digariskan oleh Kementerian untuk klinik tersebut boleh mula beroperasi dan nyatakan juga rancangan-rancangan Kerajaan berkaitan klinik ini di bawah RMK-10

**Tuan Yang di-Pertua,**

Terdapat keseluruhan 50 buah Klinik 1 Malaysia yang beroperasi di seluruh Malaysia dan 4 daripadanya terletak di Negeri Sarawak iaitu di Kuching, Miri, Sibu dan Bintulu.

Kriteria penubuhan Klinik 1 Malaysia antaranya ialah:

- (a) Lokasi sekitar kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan terletak di dalam kawasan berdekatan dengan kawasan perumahan dan mudah diakses oleh penduduk dengan kenderaan atau berjalan kaki.
- (b) Klinik 1 Malaysia adalah klinik yang dikendalikan oleh Pembantu Pegawai Perubatan dan Jururawat dan objektif utama penubuhan adalah menyediakan rawatan ringan, rawatan susulan bagi kes stabil, melakukan

prosedur ringan selain dari memberi khidmat nasihat kesihatan. Dengan demikian, Klinik 1 Malaysia mampu dikendalikan sepenuhnya oleh Penolong Pegawai Perubatan (PPP) dan Jururawat yang berpengalaman.

Bagi tujuan pembangunan klinik kesihatan dan klinik desa, pihak negeri telah diminta untuk mengenalpasti keperluan pembinaan ini dan senarai projek telahpun dihantar ke Kementerian bagi tujuan perancangan seterusnya.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN****t OH****DARIPADA****DEWAN RAKYAT,  
MALAYSIA****SJ.B/(117)****PERTANYAAN:****DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN WAN  
ABDULLAH [KOTA BHARU]****TARIKH:****LISAN**

SoAWW N O

**12.04.2010****24**

Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta **MENTERI ICE WAN GAN** menyatakan bilakah tender terbuka sepenuhnya bagi semua projek Kerajaan akan dilaksanakan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang dr-Pertua,

Kementerian Kewangan sentiasa menekankan supaya semua perolehan Kerajaan diiaksanakan melalui tender seiaras dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan tahap keteiusan dalam proses perolehan dan mendapat nilai faedah terbaik serta memperkuat daya saing syarikat. Perolehan Kerajaan untuk kontrak-kontrak Bumiputera juga di tender melalui "*competitive bidding*" di kaiangan syarikat-syarikat Bumiputera

dalam meningkatkan daya saing dan daya tahan kontraktor-kontraktor Bumiputera.

Untuk makluman Yang Berhormat,

Selain daripada tender, Kerajaan turut memberi plllhan kepada Kementerian/Jabatan yang ePerolehan (eP) *enabled* untuk mendapatkan bekalan/perkhidmatan dengan lebih cepat dan kos efektif daripada pembekal yang eP *enabled* melalui kaedah perolehan secara *eBidding*. Modul *eBidding* yang telah diaksanakan secara perintis di beberapa Kementerian mulai tahun 2006 membolehkan beberapa pembekal bersaing secara Interaktif melalui internet Kaedah ini dapat menjimatkan masa perolehan dan meningkatkan tahap ketelusan serta persaingan yang lebih kompetitif kerana bidaan akan dipaparkan secara dinamik dan interaktif kepada semua pembida dan harga tawaran terbaik yang menguntungkan Kerajaan hasil dari saingan yang produktif akan diperolehl

Waiaupun kaedah tender dan *eBidding* merupakan asas kepada pelaksanaan perolehan, rundingan terns masih perlu dilaksanakan dalam keadaan tertentu yang melibatkan keselamatan, perolehan strategik dan kepentingan awam.

z

Kementerian Kewangan juga telah mewujudkan Portal

MyPROCUREMENT - Pusat Maklumat Perolehan Kerajaan yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 1 April 2010. Portal tersebut merupakan mekanisme bagi meningkatkan tahap integriti dan ketelusan dalam sistem perolehan Kerajaan dan menjadi medium utama untuk menyebarkan maklumat perolehan Kerajaan kepada orang ramai, yang mana maklumat iklan dan keputusan tender Kerajaan dipaparkan untuk pengetahuan umum.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**YB DATUK SERI DR. FONG**

**CHAN ONN [ALOR GAJAH]**

**TARIKH**

**ISNIN, 12 APRIL 2010**

**RUJUKAN :**

**10 [PR-1231-L35089]**

**SOALAN**

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

menyatakan terdapat banyak projek terbengkalai yang ketara di Kuala Lumpur seperti projek di sebelah Hotel Sheraton, Jalan Sultan Ismail. Ini telah menjaskan Kuala Lumpur sebagai ibu kota. Apakah perancangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam membaik pulih projek ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Alor Gajah, **kebanyakannya** projek terbengkalai di Kuala Lumpur **merupakan projek yang dimiliki**

## **SOALAN NO: 26**

**oleh pihak swasta sepenuhnya.** Antara penyebab kepada projek terbengkalai adalah, seperti berikut;

- (i) pemaju menghadapi masalah kewangan;
- (ii) pemaju menghadapi masalah dengan rakan usahasama;
- (iii) pemaju mencari rakan usahasama yang baru;
- (iv) masalah lokasi projek yang tidak sesuai;
- (v) masalah pinjaman bank masih tertangguh;
- (vi) masalah projek masih dalam kes mahkamah oleh kontraktor terdahulu; dan
- (vii) dan Iain-lain faktor.

Dalam hal ini, projek yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah **Projek Vision City** yang melibatkan cadangan pembangunan kompleks komersil di mana status pembinaannya adalah **tertangguh di peringkat struktur tingkat bawah.**

Perkembangan terkini Projek Vision City ialah, projek ini telahpun diambil alih oleh syarikat pemaju baru iaitu Quill Retail Mall Sdn. Bhd. pada 29 April 2008.

Quill Retail Mall Sdn. Bhd. telah mengemukakan konsep baru pembangunan yang telah diluluskan oleh Jabatan Perancang Bandar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada 18 Februari 2010.



# PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN  
DARIPADA DATUK CHUA SOON BUI (TAWAU )  
TARIKH 12.04.2010 (ISNIN)  
NO.SOALAN 26

DATUK CHUA SOON BUI [ TAWAU ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUANAAN menyatakan

- (a) berapakah jumlah subsidi Kerajaan untuk gula, beras, beras pulut, minyak, LNG setiap tahun dari 2003 hingga sekarang mengikut barangang bagi setiap negeri termasuk Sabah dan Tawau; dan

(b) berapa banyak yang telah disita dalam tempoh tersebut untuk setiap negeri.

Apakah rancangan Kementerian untuk mengekang aktiviti penyeludupan yang serius di Sabah dan Tawau

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

- a) Pada hari ini, Kementerian akan memberi fokus kepada jumlah subsidi Kerajaan bagi tahun 2009 dan 2010 secara keseluruhannya. Lain-lain maklumat

berkaitan subsidi masa lalu untuk barang-barang perlu akan dijawab secara bertulis.

Bagi subsidi beras dan beras pulut ianya adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Secara umumnya beras pulut tidak diberi sebarang bantuan kewangan subsidi kerana permintaan dan penggunaan yang kecil, manakala subsidi bagi beras bagi tahun 2009 ialah sebanyak RM360 juta setahun bagi semenanjung, RM12.9 juta bagi Sabah dan RM 8.4 juta bagi Sarawak.

Subsidi bagi gula hanya bermula pada tahun 2009 berikutan harga LTC bagi tempoh 2009 pada harga USD 0.175/lb meningkat berbanding LTC 2006-2008 iaitu pada harga USD 0.098/lb. Kerajaan telah menanggung subsidi berjumlah RM720 juta (kadar subsidi 60 sen sekilogram) bagi mengekalkan harga runcit gula sepanjang tahun 2009. Berdasarkan anggaran penggunaan gula dalam negara pada tahun 2010 sebanyak 1.26 juta tan metrik, tanggungan subsidi gula akan meningkat kepada RM 1.26 billion setahun (kadar subsidi ialah RM 1.00 sekilogram). Walaupun setelah menaikkan harga gula 20 sen sekilogram mulai 1 Januari 2010, Kerajaan masih menanggung subsidi gula sebanyak 80 sen sekilogram atau RM1.008 billion setahun.

Bagi produk petrol dan LNG, Kerajaan hanya menanggung subsidi bagi petrol dan diesel untuk sektor-sektor tertentu, manakala LNG adalah ditanggung sepenuhnya oleh PETRONAS. Anggaran tanggungan subsidi Kerajaan bagi tahun 2009 sebanyak RM3.4billion bagi petrol, manakala tanggungan subsidi bagi diesel adalah RM1.9 billion.

b) Secara keseluruhannya nilai rampasan yang meliputi barang-barang gula, Petrol Ron 95, Petrol Ron 97, LPG dan diesel adalah sebanyak RM 10,557.55 bagi tahun 2003, RM14,636.30 bagi tahun 2004, RM29,936 bagi tahun 2005, RM936,953.80 bagi tahun 2006, RM19,422.01 bagi tahun 2007, RM26,247.58 bagi tahun 2008 dan RM15,653.40

bagi 2009.

Jenis barang rampasan yang dinyatakan di sini adalah meliputi kesalahan seperti gagal meletakkan tanda harga, perlabelan, menjual melebihi tanda harga maksimum, gagal mempamerkan lesen, tiada lesen, gagal menggunakan *pink plate* dan enggan menjual barang kawalan.

Berikut trend nilai rampasan yang semakin meningkat seperti dinyatakan di atas, Kementerian telah mengambil beberapa langkah bagi menangani masalah penyeludupan termasuk:

- i) Menetapkan beberapa jenis barang-barang kawalan sebagai barang yang dilarang eksport. KPDKKK telah menetapkan diesel dan tepung gandum sebagai barang larangan eksport. Lain-lain barang kawalan adalah tertakluk kepada lain-lain agensi kerajaan. Pengeksportan dibenarkan hanya dengan kebenaran Pengawal Bekalan atau Agensi- agensi Kerajaan berkaitan ;
- ii) Mewujudkan suatu kawasan khas yang ditentukan bagi aktiviti pengeksportan;
- iii) Menjadikan Kawasan Bebas Cukai (Free Trade Zone) sebagai kawasan larangan mengeksport barang-barang ;
- iv) Mewujudkan zon penampang di kawasan-kawasan tertentu di sempadan ;
- v) Pindaan undang-undang termasuk Akta Kawalan Bekalan 1961 bagi memperuntukkan kuasa yang lebih berkesan dari segi penguatkuasaan di kawasan sempadan termasuk kuasa memberhentikan kenderaan dan memeriksa kapal;

- vi) Penglibatan dengan lebih menyeluruh dalam penugasan operasi maritim bersepadu yang diselaraskan oleh Pusat Penyelarasaran Penguatkuasaan Maritim (PPPM) di bawah Jabatan Perdana Menteri;
- vii) Mempertingkatkan kemahiran pegawai-pegawai dalam aspek pengendalian bot, pelayaran dan keselamatan di lautan.

**Soalan NO: 27**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL 12**

**TARIKH**

**APRIL 2010 (ISNIN)**

**SOALAN**

**N0.27**

**Dato' Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh mana dana sebanyak RM5bilion yang diperlukan untuk tabung PTPTN sebagaimana yang dinyatakan oleh YB Menteri baru-baru ini benar-benar dapat menampung keperluan pinjaman pelajar-pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam RMKe-9, kerajaan telah memberi kelulusan kepada PTPTN bagi mendapatkan keperluan dana tambahan sehingga RM12.7bilion melalui pinjaman daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau institusi lain dengan jaminan kerajaan. Daripada jumlah tersebut, PTPTN masih mempunyai baki berjumlah RM6.7bilion yang dijangka akan dapat menampung pembiayaan bagi tahun 2010 dan 2011. PTPTN akan sentiasa menyemak unjuran perbelanjaan pada setiap tahun bagi memastikan peruntukan dana pembiayaan pengajian mampu menampung keperluan yang sepatutnya.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOWTIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAA LISAN**  
**N DARIPADA DR MICHAEL JEYAKUMAR**  
**:** **DEVARAJ [SUNGAI SIPUT]**  
**12 APRIL 2010**  
**TARIKH SOALAN**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan doktor pakar dan pesakit membayar penuh yang ditemu duga dalam kajian terhadap prestasi projek perintis "*full paying patient*" di Hospital Selayang. Apakah kategori lain seperti pesakit di wad biasa dan doktor pelatih ditemuduga juga.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kajian Tahap Kepuasan Pakar Perubatan dan Pesakit Skim Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh (FPP) yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2008, melibatkan Pegawai Perubatan Pakar dan pesakit yang menyertai Skim Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh. Tujuan kajian adalah untuk mendapat kepastian mengenai perlaksanaan Skim Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh, sebagai salah satu usaha kerajaan menyediakan perkhidmatan yang fleksibel kepada pesakit. bagi membolehkan mereka memilih Pegawai Perubatan Pakar yang dikehendaki untuk merawat mereka. Pada masa yang sama skim perkhidmatan ini juga diharapkan dapat memberi tambahan insentif kepada Pegawai Perubatan Pakar yang terlibat serta membantu pihak kerajaan mengekalkan mereka dalam perkhidmatan awam.



Dalam kajian yang dijalankan, seramai 39 orang pesakit telah ditemuduga dan dianalisa kepuasan mereka terhadap Skim Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh. Pada masa yang sama seramai 82 orang Pegawai Perubatan Pakar (daripada keseluruhan 87 orang Pakar Perubatan yang menyertai skim FPP pada tahun 2008), masing-masing 31 orang dan 51 orang dari Hospital Putrajaya dan Hospital Selayang, turut ditemuduga. Hasil kajian mendapati 76.0% Pegawai Perubatan Pakar bersetuju Skim Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh diteruskan dan diperluaskan ke lain-lain hospital berpakar. Manakala respons pesakit yang menyertai skim ini, menyatakan kepuasan hati (80.0%) ke atas perkhidmatan yang mereka terima dari Skim Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh.

Susulan daripada itu, satu perbincangan yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia telah diadakan dengan dihadiri oleh Pegawai-pegawai Perubatan Pakar berbagai disiplin dari Hospital Putrajaya dan Hospital Selayang. Secara umumnya, mereka berpuas hati dengan Skim Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh dan bersetuju untuk memperkuatkannya lagi perlaksanaan Skim Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh demi manfaat yang diperolehi oleh pesakit.

NW:29

**SJ.B/(114)**

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA**

**DATO' HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE**

**PERTANYAAN :**

**LISAN**

**TARIKH**

**12.04.2010**

**So^uu Ho|^%**

**Dato' Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah tanda aras ataupun 'benchmark'**

**yang ditetapkan oleh Kerajaan serta langkah-langkah yang telah dan akan diambil dalam memulihkan semula ekonomi di Negara Ini disebabkan oleh kejelapan ekonomi global.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

- 1. Sebagai sebuah negara ekonomi terbuka, Malaysia tidak terkecuali daripada menerima kesan kejelapan ekonomi global akibat krisis kewangan dunia. Bagi memastikan negara dapat memulihkan semula pertumbuhan ekonomi, Kerajaan lalah melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE). Untuk makluman, sehingga kini sejumlah peruntukan RM20.7 billion telah diagihkan kepada Kementerian dan agensi yang mana sebanyak RM6.7 billion di bawah PRE 1 dan RM13.9 billion bagi PRE 2. Kedua-dua PRE ini dapat meringankan keperitan rakyat, terutama golongan yang mudah terjejas. Ini termasuk pekerja, pengguna, pelabur, peniaga kecil dan sederhana, pengekspor dan graduan menganggur.**
- 2. Antara langkah drastik yang diambil oleh Kerajaan dalam mencapai sasaran ini, Kerajaan telah menetapkan tanda aras agar kesan krisis luar tersebut tidak menjerumuskan negara ke kancang kemelesetan ekonomi yang lebih buruk. Justeru, Kerajaan telah menyasarkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) menguncup pada kadar negatif 3.0% sahaja bagi tahun 2009 dan kembali pulih antara 2.0% hingga 3.0% pada tahun 2010.**
- 3. Kerajaan juga terus berusaha untuk meningkatkan keyakinan para pelabur agar ekonomi negara terus berdaya saing. Antaranya, termasuk meliberalisasikan 27 subsektor perkhidmatan dan kewangan, melaksanakan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan**

Penunjuk Prestasi Utama (KPI) serta memansuhkan garis panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing dan menubuhkan Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS). Dalam Bajet 2010 Kerajaan turut mengemukakan langkah-langkah mencergaskan pertumbuhan ekonomi pada tahun 2010. Ini meliputi tumpuan kepada usaha melonjakkan peranan sektor swasta sebagai peneraju pertumbuhan ekonomi, membangunkan modal insan berkemahiran tinggi dan meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam.

4. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan Model Ekonomi Baru (MEB) yang bertujuan melonjakkan ekonomi negara untuk menjadi negara maju menjelang 2020 dan seterusnya meningkatkan pendapatan rakyat secara keseluruhan. Antara intipati yang terkandung dalam MEB ialah Malaysia melakukan lonjakan kuantum daripada pendapatan tahunan per kapita sebanyak USD7,000 kepada USD15,000 dalam tempoh 10 tahun seperti yang dinyatakan dalam Laporan NEAC. Bagi merancakkan lagi ekonomi negara dan peranan sektor swasta, Kerajaan juga telah mengumumkan beberapa langkah dalam *\*Invest Malaysia 2010\** Ini termasuk memberi fokus ke atas sektor yang mempunyai potensi untuk terus maju ke arah ekonomi berpendapatan tinggi dan melantik MiDA sebagai agensi pusat promosi pelaburan untuk sektor pembuatan dan perkhidmatan. Bagi memastikan kepakaran dan pelaburan sektor swasta terus berkembang, kerjasama awam-swasta dipertingkatkan. Antaranya iaiah membenarkan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk melabur lebih banyak aset di luar negara , membenarkan GLCs melepaskan pegangan aset bukan teras atau aset yang tidak kompetitif, melupuskan pegangan Khazanah Malaysia dalam Pos Malaysia dan membangunkan lot tanah di jaian Stonor, Jaian Am pang, Jaian Lidcol

oleh pihak swasta serta mempertimbangkan iangkah-langkah penswastaan untuk Percetakan Nasional Malaysia Berhad, CTRM Aero Composites Sdn Bhd, Nine Bio Sdn Bhd dan innobio Sdn bhd.

**Tuan Yang Dipertua,**

5. Berkat dengan usaha gigih Kerajaan dengan sokongan padu oleh semua pihak dalam peiaksanaan PRE dan langkah-langkah lain termasuk menyediakan kemudahan kewangan yang akomodatif serta meliberalisasikan 27 subsektor perkhidmatan dan kewangan, ekonomi negara telah berjaya mencatatkan pertumbuhan di luar jangkaan sebanyak 4.5% dalam tempoh suku keempat 2009. pencapaian ini



sebahagiannya disumbangkan oleh pertumbuhan memberangsangkan subsektor pembuatan, pembinaan, pertanian dan perkhidmatan. Bagi keseluruhan tahun 2009, ekonomi negara berada pada tahap yang lebih baik^aiti hanya menguncup -1.7% berbanding jangkaan awal - 3.0%. Berdasarkan penunjuk-penunjuk utama ekonomi semasa yang meliputi trend, peningkatan perdagangan luar, indeks pengeluaran perindustrian, jualan kenderaan, pasaran saham dan harga komoditi utama, Kerajaan telah menyasarkan pertumbuhan yang lebih baik bagi tahun 2010 iaitu sebanyak 5.0% hingga 6.0% berbanding jangkaan awal iaitu antara 2.0%-3.0%.

Berdasarkan perkembangan yang amat menggalakkan ini, Kerajaan yakin bahawa melalui pelaksanaan projek dan program di bawah PRE dan beberapa langkah lain seperti liberalisasi subsektor perkhidmatan dan kewangan, NKRA dan KPI dapat membantu negara mencatatkan pertumbuhan yang lebih baik pada masa akan datang.

No: 30

SJ.B/(3)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA                    TUAN LIM GUAN ENG fBAGANJ**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH                    12.04.2010 Soawam KIO:                    %0**

Tuan Lfm Guan Eng [Bagan] minta Menteri Kewangan menyatakan usaha dan wang yang dipemntukkan untuk memelihara, melindungi dan mempromosi Tapak Warisan UNESCO

**George Town memandangkan Goerge Town diabaikan berbanding dengan Melaka.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berfiormat, peruntukan sebanyak RM20 juta telah disediakan untuk Tapak Warisan Dunia Pulau Pinang dan peruntukan tersebut telah disalurkan kepada Khazanah Nasional Berhad yang telah diberi tanggungjawab menguruskan pelaksanaan projek Tapak Warisan Dunia Pulau Pinang.

Peruntukan sebanyak RM20 juta ini adaiah untuk perbelanjaan seperti berikut:

- i) penyediaan pelan pengurusan pemuliharaan bagi menentukan polisi berkaitan aspek-aspek warisan dipatuhi selaras dengan kehendak UNESCO;
- ii) penyediaan *special area plan* yang merupakan sebuah pelan pemantauan di bawah seksyen 16B(1), Akta Perancang Bandar dan Desa 1976.
- Hi) penyediaan inventori setiap bangunan warisan yang lebih komprehensif yang terletak di dalam tapak warisan dunia bagi memastikan kerja-kerja pemantauan konservasi dan dokumentasi yang lebih berkesan;
- iv) penyediaan manual penyelenggaraan dan pembaikan untuk pemilik bangunan, bertujuan memastikan setiap pemilik mengetahui

**perkara yang boleh dilakukan dan tidak boleh dilakukan ke atas bangunan mereka; dan**

- v) pelaksanaan kerja-kerja pemuliharaan dan pemeliharaan pelbagai jenis bangunan, pemeliharaan warisan kebudayaan tidak ketara, program kesedaran warisan, pelaksanaan pelan pengurusan pelancongan, pelaksanaan pelan pengurusan trafik, pelaksanaan strategi pemantauan dan lain-lain lagi.

Sehingga ini sebanyak RM1.33 juta dari peruntukan tersebut telah dibelanjakan. Lima puluh (50) permohonan dari agensi, pertubuhan syarikat dan orang perseorangan telah diterima untuk mendapatkan peruntukan bagi melaksanakan kerja-kerja berkaitan pemeliharaan



**dan pemufiharaan di tapak warisan. Kedudukan 50 tersebut adalah seperti berikut:**

# S

<b>Telah Diluluskan Dalam Pertimbangan Ditolak</b>	<b>13 permohonan</b>
<b>Ditarik Balik</b>	<b>19 permohonan</b>
<b>Diterima Selepas Tarikh Tutup 15 Januari 2010</b>	<b>9 permohonan-</b>
	<b>3 permohonan</b>
<b>Dengan peruntukan yang disediakan dan juga usaha-usaha yang telah dilaksanakan, maka Tapak Watisan Dunia Pulau Pinang tidak terabai sebagaimana dakwaan Yang Berhormat. Dengan usaha-usaha itu juga pihak Kerajaan percaya status Tapak Warisan Dunia Pulau Pinang akan terus berkekalan dan menjadi tarikan pelancong.</b>	<b>6 permohonan</b> usaha-

**Soalan No : 31**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATUK DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD (MUKAH)
TARIKH	12.04.2010
SOALAN:	Y.B. DATUK DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD [ MUKAH ] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah bangunan gantian bambu Sekolah Rendah Kampong Tellian di tapak baru akan dilaksanakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek bangunan gantian baru SK Kg Tellian telah ditangguhkan dalam RMKe-9 berikutan kekangan kewangan yang dihadapi oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Walau bagaimanapun, KPM telah mencadangkan agar projek ini dipertimbangkan untuk RMKe-10.

**SOALAN NO.: 32**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN** LISAN

**DARIPADA** : TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN IBRAHIM

[ BANDAR TUN RAZAK ]

**TARIKH** : 12 APRIL 2010

**SOALAN**

**Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [ Bandar Tun Razak ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan Kerajaan Negeri Selangor telah pun memulakan langkah untuk membersihkan Sungai Klang sebagai salah satu program Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri. Bolehkah Kerajaan Pusat bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dalam menyelaraskan usaha pembersihan Sungai Klang demi kepentingan rakyat Selangor dan Kuala Lumpur.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian menjalankan pelbagai program bagi memulihkan sungai-sungai di seluruh negara termasuk Selangor ke arah pencapaian objektif sungai yang hidup, bersih dan bertenaga.

Bagi mencapai matlamat tersebut, pihak Kementerian menerusi Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) melaksanakan program-program khusus bagi memelihara dan memulihkan sungai-sungai. Program-program ini merangkumi dua (2) kaedah iaitu, kaedah pencegahan dan kaedah pemulihan.

Menerusi kaedah pencegahan masalah pencemaran sungai, tindakan-tindakan pemantauan dan penguatkuasaan dijalankan dari semasa ke semasa. Dalam aspek pemulihan sungai pula, pihak Kementerian menjalankan pelbagai aktiviti bagi pemulihan sungai-sungai yang telah dicemari.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Pusat sedia bekerjasama dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri dalam menyelaraskan usaha-usaha pembersihan sungai termasuk Sungai Klang demi kepentingan rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 12 APRIL 2010 (ISNIN)**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TIONG THAI KING  
(LANANG)**

**SOALAN**

Y.B. TUAN TIONG THAI KING (LANANG) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk mewajibkan pengasingan sampah sarap di sumber (segregation at source) supaya rakyat diwajibkan untuk mengasingkan bahan-bahan yang boleh di kitar semula seperti kertas, aluminium, plastik dan botol.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) sememangnya telah

## **SOALAN ( 22 )**

diperuntukkan kuasa untuk Kerajaan mewajibkan pengasingan sisa pepejal dipunca (*separation at source*). Di bawah peruntukan Akta ini, setiap pengeluar sisa pepejal boleh diwajibkan untuk mengasingkan bahan-bahan yang boleh diguna atau dikitar semula seperti kertas, plastik, logam dan kaca daripada sisa pepejal organik mereka.

Sementara menunggu penguatkuasaan Akta 672 berkenaan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menjalankan kempen menyedarkan orang awam tentang pentingnya aktiviti pengasingan dipunca termasuk kaedah yang perlu digunakan.

Dalam hal ini, KPKT dengan kerjasama Alam Flora, Perbadanan Putrajaya, SSI Schaefer dan UiTM telah melancarkan projek perintis pengasingan sisa pepejal dipunca di Putrajaya untuk memberi pendedahan kepada masyarakat tentang konsep pengasingan sisa dipunca ini.

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

April 2010

**SOALAN NO. 34**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA :</b>	<b>DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD [</b>
	<b>KOTA RAJA ]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>12 APRIL 2010</b>
<b>SOALAN</b>	

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [ Kota Raja ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kes yang ditangani oleh OSCC di seluruh negara semenjak ditubuhkan sehingga 2009, peratusan jenis-jenis kes yang didaftarkan dan peratusan kes yang berjaya didakwa ke mahkamah.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali bersama-sama dengan satu soalan yang lain menyentuh isu berkaitan OSCC (*one stop crisis centre*) iaitu pertanyaan daripada YB Dr. Siti Mariah binti Mahmud [ Kota Raja ] bertarikh 14 April 2010.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Daripada statistik yang dikumpulkan sejumlah 34,331 kes telah ditangani oleh OSCC di seluruh negara daripada tahun 2005 sehingga 2009. Daripada jumlah ini kes penderaan wanita mencatatkan bilangan kes yang tertinggi iaitu sebanyak 16,671 kes (48.6%) diikuti dengan kes rogol sebanyak 11,105 kes (32.3%), kes penderaan kanak-kanak sebanyak 3,685 kes (10.7%) dan kes lain- lain sebanyak 2,870 kes (8.4%).

Bilangan kes yang didakwa di mahkamah tidak dapat dipastikan kerana ia tiada di

**SOALAN NO. 34**

dalam rekod Kementerian Kesihatan Malaysia.



**SOALAN NO: 3 ,5^ .**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID</b>
	<b>[PADANG BESAR]</b>
<b>TARIKH SOALAN</b>	<b>12 April 2010</b>

**DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID [PADANG BESAR]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Kementerian sedar atau tidak bahawa kualiti permukaan jalan di lebuh-lebuh raya dan jalan-jalan di bandar kecil Thailand adalah lebih baik dari kualiti permukaan jalan-jalan yang dibina di Malaysia. Apakah langkah- langkah Kementerian untuk mengatasi masalah tersebut.



Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *International Roughness Index* (IRI) adalah satu piawai yang telah dibangunkan oleh Bank Dunia dalam tahun 1980an bagi mengukur kaedah *roughness* di jalan-jalan seluruh dunia. *Roughness* ditakrifkan sebagai ketidaksamarataan pada permukaan jalan yang akan menjaskan kualiti pemanduan kenderaan. Kaedah ini telah digunakan secara meluas pada masa ini dalam menentukan sama ada permukaan jalan berkualiti dan selesa.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Kerja Raya telah melakukan pengukuran *roughness* di jalan-jalan persekutuan di Semenanjung Malaysia yang mana hasil daripada pengukuran tersebut di kategorikan seperti berikut:

- (i) Sangat selesa - 17%;
- (ii) Selesa - 66%; dan
- (iii) Kurang Selesa - 17%.

Ini jelas menunjukkan bahawa peratusan keselesaan

pemanduan dari aspek kualiti permukaan jalan di jalan-jalan persekutuan di Semenanjung Malaysia adalah baik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun keadaan jalan di Semenanjung Malaysia pada keseluruhannya berada ditahap yang baik, Kementerian Kerja Raya akan sentiasa memberi kepuasan yang lebih kepada pengguna jalan raya. Sehubungan dengan itu, Kementerian Kerja Raya telahpun mencadangkan supaya kerja- kerja menaiktaraf jalan sepanjang 1,027 kilometer dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

Di dalam program ini, penggunaan spesifikasi *flexible pavement* yang terkini akan dapat mengatasi ketidakrataan permukaan jalan ke peringkat yang paling minima.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT ^**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA  
[ PADANG TERAP ]**

**TARIKH JAWAPAN : 12 APRIL 2010 (ISNIN)**

**DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

**NO. 36**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR**

menyatakan

- (a) adakah langkah menaik tarif kepada pengguna (yang selalu disandarkan/mengambil alasan "fuel cost" yang meningkat) merupakan langkah yang paling mudah oleh TNB/Kerajaan bagi membiayai reserve margin yang tinggi (47%); dan
- (b) adakah Kerajaan atau Tenaga Nasional Berhad bersedia melaporkan kenaikan tarif (model tarif) dan penggunaan lebihan tarif tersebut kepada Parlimen.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Ingin saya jelaskan di sini bahawa pihak Kerajaan telah memutuskan bahawa semakan harga gas di Semenanjung Malaysia dibuat setiap 6 bulan sekali dan ia

akan dituruti dengan semakan tarif elektrik, yang mana akan turut mengambil kira harga arang batu. Sekiranya harga bahan api gas dan arang batu mengalami kenaikan di pasaran, maka TNB akan dibenarkan untuk melepaskan kos tersebut terus kepada pengguna akhir berdasarkan prinsip pelepasan kos bahan api (*fuel cost pass-through*), dengan izin.

Begini juga sebaliknya, sekiranya harga bahan api gas dan arang batu mengalami penurunan di pasaran semasa, ianya akan dituruti dengan penurunan tarif elektrik kepada pengguna, seperti mana yang dilaksanakan pada bulan Mac 2009. Oleh yang demikian, dakwaan yang menyatakan pihak Kerajaan atau TNB mengambil jalan mudah dengan menaik tarif elektrik bagi membiayai reserve margin yang tinggi adalah tidak benar. Kuantum kos bahan api (sen/kWj) yang akan dilepaskan kepada pengguna adalah berdasarkan kos sebenar bahan api dan, oleh itu, tidak mendatangkan sebarang keuntungan kepada TNB.

Tuan Yang Dipertua,

Setiap kali penyelarasan tarif elektrik dilaksanakan, pihak Kerajaan dan TNB sentiasa memaklumkan kepada rakyat mengenai rasional di sebalik penyelarasan tersebut. Kerajaan juga bersedia untuk menjelaskan kepada Parlimen, rakyat atau mana-mana pihak mengenai keperluan untuk menyemak

semula tarif elektrik. Ini menggambarkan ketelusan Kerajaan dalam menetapkan tarif elektrik kepada para pengguna.

\*\*\*\*\*

**NO.SOALAN: 37**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA DATUK JUSLIE BIN AJIROL**

**[ LIBARAN ]**

**TARIKH 12 APRIL 2010**

**SOALAN**

**Datuk Juslie Bin Ajirol [ Libaran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesediaan Kerajaan menyerap 60,000 pekerja kontrak awam ke jawatan tetap dalam usaha menginovasi daya saing sektor awam yang lebih efisien.

**JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa menggalakkan pegawai kontrak / sementara yang berminat

untuk berkhidmat secara tetap dalam Perkhidmatan Awam, mengambil daya usaha untuk memohon jawatan tertentu kepada Pihak Berkuasa Melantik seperti mana calon-calon lain, bersesuaian dengan kelayakan akademik yang dimiliki. Pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang diperoleh semasa berkhidmat dalam perkhidmatan kontrak, sementara atau sambilan merupakan suatu kelebihan yang boleh digunakan oleh mereka terutamanya dalam urusan tapisan pengambilan bagi tujuan pelantikan tetap, berbanding dengan calon-calon lain yang tidak pernah berkhidmat dengan Kerajaan.

Pegawai kontrak yang mengisi jawatan tetap akan dipertimbangkan untuk dilantik ke jawatan tetap dengan syarat hendaklah memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- (a) memenuhi syarat skim perkhidmatan;
- (b) telah berkhidmat secara kontrak selama 1 tahun atau lebih;
- (c) mencapai tahap prestasi yang baik dengan markah Laporan Prestasi Tahunan melebihi 85%;
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan; dan
- (e) berjaya dalam temuduga yang dijalankan oleh Pihak Berkuasa Melantik.

Sehingga 31 Disember 2009, jumlah pegawai lantikan kontrak dalam

perkhidmatan awam yang mana perjanjian kontrak mereka masih lagi berkuat kuasa adalah seramai 33,827 orang. Jumlah ini melibatkan pelbagai skim perkhidmatan antaranya Pensyarah Universiti, Pegawai Penyelidik, Pelukis Pelan, Pegawai Tadbir dan Diplomatik, Jururawat, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma, Pengawal Keselamatan, Ahli Muzik, Artis Budaya dan Pembantu Penerangan.

Sekian. Terima kasih.

**Soalan No.**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB MANIKAVASAGAM  
A/L SUNDARAM  
(KAPAR)**

**TARIKH : 12.04.2010**

**SOALAN :**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan berapa jumlah yang telah dan akan digunakan bagi emnaiktaraf kawasan- kawasan luar

bandar. Berikan perwahan mengikut negeri bagi tahun 2005 sehingga 2007.



## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa komited untuk menaik taraf kawasan luar bandar dengan meningkatkan liputan dan kualiti prasarana di luar bandar melalui program Bekalan Air Luar Bandar (BALB), program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB), program Jalan Luar Bandar (JALB), Projek Jalan Kampung (PJK) dan Program Ameniti Sosial (PAMS).

Bagi peningkatan liputan dan kualiti prasarana luar bandar dari tahun 2005 hingga 2007, sejumlah RM496.69 juta telah dibelanjakan untuk melaksanakan 1,513 projek BALB, RM431.18 juta untuk 12,901 projek BELB, dan sejumlah RM877.16 juta untuk JALB telah diperuntukkan untuk tempoh yang sama juga. Bagi Program Jaian Kampung (PJK), kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM870.83

juta untuk membina, menaik taraf dan menyelenggara 14,304 projek PJK dan sejumlah RM82.0 juta lagi untuk membina baru, menaik taraf dan membaikpulih 4,338 projek- projek PAMS seperti projek perparitan, sanitasi dan dewan.

Untuk tempoh yang sama, bagi pecahan mengikut negeri, kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM5.61 billion untuk negeri Sabah, RM1.64 billion (Sarawak), RM1.09 billion (Pahang), RM920.92 juta (Kelantan), RM761.3 juta (Kedah), RM726.0 juta (Johor), RM668.13 juta (Perak), RM482.51 juta (Terengganu), RM256.77 juta (Selangor), RM196.36 juta (Negeri Sembilan), RM164.68 juta (Melaka), RM151.31 juta (Pulau Pinang) dan RM95.51 juta untuk negeri Perlis.

Tuan Yang Di Pertua, oleh itu sejumlah RM9.16 billion telah dibelanjakan oleh kerajaan untuk meningkatkan liputan dan kualiti prasarana luar bandar dalam tempoh 2005 hingga

2007 di seluruh negara.

**Soalan No : 39**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED</b>
	<b>(PULAI)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>12.04.2010</b>

**SOALAN:**

**Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [ PULAI ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan untuk membina sekolah rendah dan menengah sejak tahun 2000 ke 2009 secara terperinci mengikut tahun. Sila jelaskan kos operasi dan penyelenggaraan untuk sekolah-sekolah tersebut untuk tahun berkenaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2009 sebanyak RM753,316,025.00 telah diperuntukkan untuk membaiki dan menyelenggara bangunan-bangunan sekolah. Sebanyak 11,515 projek telah dilaksanakan dan disiapkan pada tahun 2009.

AKT/OBJ SEBAGAI	QS28000		QS32000		JUMLAH KESELURUHAN	
	RM	BIL PROJEK	RM	BIL PROJEK	RM	BIL PROJEK
<b>Prasek</b>			9,574,000	161	9,574,000	161
<b>Rendah</b>	224,219,460	5,171	82,820,236	1,197	307,039,696	6,368
<b>Menengah</b>	218,446,270	2,663	132,117,000	991	350,563,270	3,654
<b>Asrama</b>	61,300,559	1,007	24,838,500	325	86,139,059	1,332
<b>JUMLAH</b>	<b>503,966,289</b>	<b>8,841</b>	<b>249,349,736</b>	<b>2,674</b>	<b>753,316,025</b>	<b>11,515</b>

Rjm 111

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA Y.B. DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB.  
RAHMAN [PENGKALAN CHEPA]**

**TARIKH 12 APRIL 2010**

#### SOALAN:

**Y.B. DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN** minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah benar Kerajaan bercadang hendak menggantikan sistem undi pos yang diamalkan sekarang dengan sistem Penqundian Awal (Advance Voting) sekiranya benar nyatakan dengan jelas kaedah dan sistem pengundian tersebut.

**JAWAPAN: YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR mengesyorkan tentang keperluan

mengkaji keberkesanan sistem pengundian awal sebagai salah satu inisiatif penambahbaikan yang mungkin dapat melengkapkan lagi sistem undi pos, yang juga merupakan salah satu daripada sub-sistem dalam sistem pengundian awal, yang bertujuan untuk membolehkan pengundi berdaftar mengundi lebih awal. Ini memandangkan mengikut tinjauan SPR, pada hari pilihan raya diadakan, secara hakikatnya, tidak semua pengundi berdaftar dapat membuang undi kerana terikat dengan komitmen lain kerana tugas yang perlu dilakukan pada hari tersebut dan sebagainya walaupun pada dasarnya mereka mempunyai hak di sisi Perlembagaan. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab SPR untuk mencari jaian bagi membolehkan mereka mengundi.

Pada masa ini, mengikut peruntukan Undang-undang yang diguna pakai, anggota polis dan tentera serta pasangan masing-masing selain pelajar dan pegawai kerajaan yang berada di luar Negara, mengundi (awaO secara pos. Bagaimanapun, selepas mengkaji kesesuaianya nanti, SPR akan

mencadangkan agar kemudahan diberikan kepada pengundi-pengundi pos tentera dan polis untuk mengundi lebih awal sehari atau dua hari sebelum Hari Mengundi dan dijalankan seperti pengundian biasa di mana-mana pusat mengundi yang akan ditentukan oleh SPR, berhampiran dengan kem-kem bagi tentera bagi ATM; atau Ibu Pejabat Polis Kontinjen, atau Ibu Pejabat Polis Daerah bagi PDRM. Proses pengundian akan dilaksanakan oleh petugas-petugas yang akan dilantik oleh SPR dengan dibantu oleh anggota tentera dan polis.

Manakala bagi perkhidmatan-perkhidmatan penting (*essential services*) yang lain, akan turut dimasukkan ke dalam kategori kumpulan yang layak melakukan pengundian awal sekiranya kajian SPR mendapati ia boleh dilaksanakan mengikut peruntukan Undang- undang.

Ketika ini, SPR sedang melihat secara terperinci kaedah dan proses serta undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan sistem itu dan akan mengemukakan cadangan mengenai sistem itu kepada kerajaan selepas dipersetujui di peringkat Suruhanjaya.

Sekian, terima kasih.



Soalan No : 41

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ  
(SRI GADING)

TARIKH

**12.04.2010**

SOALAN:

Y.B. DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ [ SRI GADING ] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah Kerajaan bercadang meminda dasar penempatan guru-guru lepasan maktab dan institusi pendidikan sesuai dengan pencapaian sukanan pelajaran, kedudukan sekolah bandar dan luar bandar dan kemudahan yang disediakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini, dasar penempatan guru lepasan Institut Pendidikan Guru (IPG) dan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) adalah berdasarkan keperluan Anggaran Belanja Mengurus bagi tujuan Perjawatan (*School Based*) dan keperluan opsyen di negeri tersebut. Tumpuan penempatan adalah berfokus di kawasan luar bandar/pedalaman.

Rjm 110

**NO. SOALAN : 42**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**                   **LISAN**

**DARIPADA**                   **Tuan John a/l Fernandez (Seremban)**

**TARIKH**                   **12 April 2010**

**SOALAN**

**Tuan John a/l Fernandez [Seremban]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pihak Kerajaan tidak bercadang untuk membuat sebarang pindaan terhadap Akta Kebankrapan 1967 di mana ianya dilihat agak lama dan sesetengah peruntukan di dalamnya adalah tidak relevan atau sesuai digunakan pada masa kini.

**JAWAPAN**                   **(YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ)**

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan memang mempunyai cadangan untuk membuat pindaan kepada perundangan insolvensi termasuklah perundangan kebankrapan. Jabatan Insolvensi Malaysia (MDI) telah dipertanggungjawabkan untuk membuat kajian serta mengemukakan dasar-dasar dan cadangan-cadangan bagi pindaan atau perubahan kepada perundangan tersebut.

MDI kini sedang dalam proses untuk mengkaji rangka kerja peruntukan perundangan insolvensi termasuk perundangan kebankrapan di negara-negara lain bagi dimaktubkan di dalam perundangan insolvensi di negara ini.

Bagi tujuan tersebut, MDI telah menukuhkan satu Jawatankuasa Kerja untuk melakukan kajian dan mengemukakan rangka kerja lengkap berkenaan pembaharuan perundangan tersebut dan dijangka dapat dikemukakan kepada Kerajaan pada Disember 2010. Sekian Terima kasih.

*NW-43***KK/BP(1.10)294/6-73 SJ.B  
(109)**

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
NEGARA, MALAYSIA  
DARIPADA**

**TUAN CHUA TEE  
YONG (LABIS)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH 12.04.2010 60AUU Mo: 43**

**Tuan Chua Tee Yong (Labis) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan kelas atau jenis barang dan perkhidmatan yang akan dikecualikan atau tidak dikenakan cukai jualan dan perkhidmatan apabila sistem cukai ini diperkenalkan pada tahun 2011 nanti.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Untuk makluman Ahli - ahli Yang Berhormat, dalam memastikan rakyat tidak dibebankan dengan pelaksanaan GST, Kerajaan akan memberi pengecualian ke atas beberapa kumpulan barang seperti berikut:-**

- (i) produk pertanian seperti padi dan sayur-sayuran segar;**
- (ii) barang makanan seperti beras, gula, garam, tepung, minyak masak;**

- (iii) binatang ternakan seperti iembu, kerbau, kambing, khinzir;
- (iv) ayam dan itik;
- (v) telur (termasuk telur masin);
- (vi) hasil laut seperti ikan, udang, kerang, sotong (termasuk yang dikering dan dimasinkan);
- (vii) bekalan elektrik bagi 200 unit pertama setiap bulan untuk pengguna domestik; dan
- (viii) bekalan air bagi 35 meter padu pertama setiap bulan untuk pengguna domestic.

**3. Manakala perkhidmatan yang akan dikecualikan dari dikenakan GST adalah seperti berikut:-**

- (i) pengangkutan penumpang domestik (KTM, LRT, ERL dan Monorail), kapal, bot, feri, bas ekspress, bas henti-henti, bas sekolah, bas pekerja, bas pengantara dan teksi;
- (ii) tol lebuhraya;
- (iii) rumah kediaman;
- (iv) tanah bagi kegunaan pertanian dan bagi kegunaan umum (bangunan kerajaan dan tanah perkuburan);
- (v) perkhidmatan kesihatan dan pendidikan swasta; dan
- (vi) perkhidmatan kewangan.



**NO. AUP : 44  
NO. AUM : 7**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA            TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [ KUALA  
                          LANGAT ]**

**TARIKH              12 APRIL 2010**

**RUJUKAN             2565**

**SOALAN:**

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ] minta  
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah syarikat yang  
mengendalikan pengambilan pekerja asing dari tahun 1995 hingga 2009 dan  
berapa jumlah caj yang dikenakan ke atas pekerja asing dan majikan,  
adakah Kerajaan mendapat sebarang pendapatan dalam proses pengimportan  
pekerja asing dan adakah pendapatan tersebut diguna dalam bidang spesifik.**

**JAWAPAN UNTUK SOALAN PARLIMEN PADA 12.4.2010**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Kuala Langat di atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak melantik mana-mana syarikat untuk mengendalikan urusan pengambilan pekerja asing kecuali Agensi Pekerjaan untuk pengambilan Pembantu Rumah Asing (PRA) yang dilesenkan di bawah Jabatan Tenaga Kerja (JTK) dan berdaftar dengan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Majikan yang memerlukan pekerja asing perlu memohon sendiri untuk mendapatkan pekerja asing tanpa melalui mana-mana agen.

Walau bagaimanapun, kerajaan telah membenarkan syarikat penyumberan luar (*outsourcing*) bagi membekal dan mengurus pekerja asing. Syarikat-syarikat ini bukan agen pengambilan pekerja asing tetapi syarikat yang dilesenkan oleh Kerajaan untuk menggaji pekerja asing dan menawarkan pekerja mereka kepada majikan yang mempunyai keperluan. Sehingga sekarang terdapat 277 buah syarikat outsourcing pekerja asing di Malaysia. Syarikat ini dikenakan syarat-syarat yang ketat untuk mendapatkan pekerja asing dan pada masa ini pengambilan dihadkan kepada tiga sektor sahaja iaitu perkilangan, perladangan dan pertanian.

Berkenaan kos-kos dan caj yang dikenakan terhadap pekerja asing, sukacita saya memaklumkan bahawa Kerajaan tidak mengenakan apa- apa caj khusus kepada pekerja asing. Ini adalah kerana keseluruhan caj adalah dikenakan kepada majikan sahaja. Untuk mendapatkan seorang pekerja asing, majikan perlu membayar kos levi, fi proses, visa, pemeriksaan kesihatan melalui FOMEMA, wang cagaran dan kos pengeluaran pas lawatan kerja sementara (PLKS) berjumlah antara RM880.00 sehingga RM 3,646.00 bergantung kepada sektor pekerjaan dan kewarganegaraan pekerja asing tersebut. Lain-lain kos seperti pengangkutan, penginapan dan sebagainya tidak ditetapkan Kerajaan.

Kerajaan mendapat hasil daripada kemasukan pekerja asing dalam bentuk kutipan levi serta bayaran-bayaran seperti fi proses dan pengeluaran PLKS. Bagi tempoh 1 Januari 2009 sehingga 31 Disember

2009, Bahagian Pengurusan Pekerja Asing, Kementerian Dalam Negeri telah mengutip levi sebanyak RM 259,195,940.15. Keseluruhan hasil ini akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan sebagai hasil kerajaan. Penggunaan Wang Disatukan adalah tertakluk kepada perancangan kerajaan di bawah bajet yang dibentangkan di Dewan yang diMuliakan ini.

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

#### **DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :            JAWAB LISAN**

**DARIPADA                    DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED**

**[SEPANG]**

**TARIKH                    12 APRIL 2010**

**RUJUKAN**

**2465**

**SOALAN:**

**Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed [Sepang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah dan perancangan yang berkesan yang diambil oleh Kementerian yang benar-benar dapat mencegah kegiatan jenayah di kawasan bandar yang mempunyai begitu ramai pendatang asing yang masuk dengan permit dan tanpa permit.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sepang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kerajaan amat serius dan tegas di dalam menangani kes-kes jenayah yang berlaku di bandar khususnya melibatkan pendatang asing di negara ini.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi membanteras kegiatan ini, Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah seperti berikut:-

- i) Mempertingkatkan pemantauan dan risikan keselamatan di premis-premis yang dipercayai mempunyai populasi pekerja asing yang besar;
- ii) Mengadakan jaringan kerjasama di antara Polis DiRaja Malaysia dengan pihak Interpol serta pihak berkuasa negara-negara jiran untuk mendapatkan maklumat atau rekod jenayah bagi pendatang-pendatang rekod jenayah sebelum dibenarkan masuk dan bekerja di negara ini;
- iii) Mengadakan operasi bersepadu yang melibatkan kerjasama antara agensi-agensi kerajaan seperti Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Imigresen, RELA dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menjelak, mengesan dan seterusnya menangkap mereka. Tindakan untuk mengambil cap jari dan

dimasukkan ke dalam rekod sistem biometrik turut dilaksanakan bagi membolehkan kemasukan kali kedua pekerja asing tanpa izin ke negara ini dapat dikesan;

- iv) Mewujudkan Lab Pemantauan Warga Asing yang diterajui oleh Kementerian Dalam Negeri khusus untuk menangani kebanjiran warga asing di negara ini; dan
- v) Memberi tumpuan utama di dalam salah satu Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) iaitu mengurangkan kadar jenayah termasuk kegiatan jenayah yang dilakukan oleh warga asing di negara ini.

Soalan No : 46

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN LIM LIP ENG (SEGAMBUT)
TARIKH	12.04.2010

**SOALAN:**

Y.B. TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMBUT ] minta Menteri Pelajaran menyatakan rasional pengguguran 11 jenis permainan sukan oleh MSSM di peringkat kebangsaan dan adakah benar Menteri telah membatalkan keputusan tersebut dengan pemberian peruntukan sebanyak RM89 juta untuk tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Semua jenis sukan untuk Majlis Sukan-Sukan Malaysia (MSSM) diteruskan seperti sedia kala. Permainan 11 jenis sukan adalah persiapan untuk menyediakan atlet-atlet untuk pertandingan Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah Asean Kedua (2<sup>nd</sup> ASG). Di samping itu, penggunaan sumber sedia ada juga diberikan kepada acara permainan sukan-sukan dalam Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah Asean Kedua ini.

## **SOALAN NO: 47**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING

TARIKH: 12 APRIL 2010

SOALAN:

Y.B. Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan: -

- (a) berapakah kemasukan buruh asing tidak berkurang tetapi sebaliknya bertambah atas permintaan pekilang-pekilang terutamanya dalam industri elektrik dan elektronik; dan
- (b) sejauh manakah pihak Kementerian dalam perancangan melaksanakan gaji minimum dan adakah akan menggalakkan warga Malaysia terlibat dalam industri pembuatan.

PR-1231-L35531

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kemasukan pekerja asing yang bertambah pada awal tahun 2010 adalah ekoran daripada pemulihan ekonomi Malaysia yang menyebabkan meningkatnya permintaan terhadap barang keluaran Malaysia. Keperluan pekerja tambahan tidak dapat ditampung oleh pekerja tempatan dan Kerajaan membenarkan kemasukan pekerja asing.

Kemasukan tenaga kerja asing tersebut telah dibuat dengan teliti dan dipengerusikan oleh YB Menteri Sumber Manusia. Sebelum kelulusan dibuat, syarikat dikehendaki **membuktikan keperluan menggaji pekerja asing dan hanya** majikan yang benar-benar layak dan amat memerlukan pekerja asing yang diberi pertimbangan. Majikan juga perlu **mengemukakan pelan jangka panjang** untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dan langkah-langkah untuk menarik lebih ramai rakyat tempatan bekerja dengan majikan berkenaan.

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, KSM dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah menubuhkan **Makmal Pengurusan Warga Asing** bagi menentukan sektor, negara sumber dan bilangan sebenar pekerja asing yang diperlukan.

Tuan Yang Di Pertua,

b) Kementerian Sumber Manusia (KSM) sentiasa terbuka dan sedang meneliti secara mendalam dan berhati-hati cadangan untuk mengadakan gaji minimum memandangkan terdapat dua pandangan yang berbeza tentang perkara ini iaitu pertama pandangan yang menyokong dan kedua pandangan yang menentang pelaksanaan gaji minimum dengan hujah-hujah yang tertentu. Justeru, KSM berpandangan adalah wajar pandangan yang lebih menyeluruh daripada rakyat diperoleh terlebih dahulu supaya sebarang keputusan yang bakal diambil Kerajaan akhirnya akan memberi manfaat kepada rakyat, para pelabur dan seterusnya memantapkan ekonomi negara. Untuk itu, KSM telah melancarkan satu blog iaitu blog.mohr.gov.my bagi mengumpul seberapa banyak pandangan, idea, cadangan dan komen daripada rakyat, untuk tempoh dua bulan mulai 24 Mac 2010. Sehingga 5 April 2010, KSM telah menerima 53 cadangan dan komen daripada rakyat berhubung isu gaji minimum melalui blog di laman web KSM. Maklumat yang dikumpulkan akan dianalisis dan seterusnya dibawa kepada Kerajaan untuk pertimbangan dan keputusan.

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.**

**DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA :**

**TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM  
[KUALA KEDAH]**

**TARIKH**

**12 APRIL 2010**

**SOALAN**

**Tuan Haji Ahmad Bin Kassim [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah bentuk bantuan bagi pesakit kronik seperti kanser, jantung, buah pinggang dan komplikasi diabetes dari kalangan orang miskin yang tidak mampu kerana kos rawatan yang mahal.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) membantu pesakit yang miskin dan kurang berkemampuan melalui Tabung Bantuan Perubatan (TBP) bagi kos rawatan, peralatan perubatan, peralatan rehabilitasi dan ubat-ubatan seperti pembekalan alatan perubatan kardiotorasik seperti *Implantable Cardioverter Defibrillator (ICD)* dengan kos yang terlibat antara RM32,000.00 - RM39,000.00 (*Single Chamber*), RM40,000.00 - RM48,000.00 (*Dual Chamber*), *Drug Eluting Stent* yang melibatkan kos seunit dalam lingkungan RM6,000.00 - RM6,500.00 dan RM80,000.00 (*Biventricular*), pemasangan *cochlear implant* dengan kos seunit berjumlah RM75,000.00 berserta terapi dan kos rawatan bagi peralatan respiratori seperti peralatan *Home Ventilator* berjumlah RM80,000.00 seunit bergantung kepada jenis alat.

Selain itu, ubat-ubatan yang melibatkan perbelanjaan yang tinggi juga diluluskan melalui TBP seperti ubat *Beta Interferon*, *Remicade*, *Ribavirin*, *Adalimumab (Humira)*, *Infliximab*, *Myocophenolate Mofetil (Cellcept)* dan lain-lain lagi.

KKM juga memberi bantuan kepada pesakit-pesakit miskin dan kurang mampu yang menjalani rawatan hemodialisis di pusat-pusat dialisis NGO dengan subsidi sebanyak RM50.00 untuk setiap rawatan. Kerajaan telah menetapkan bahawa dengan pemberian bantuan subsidi ini, pusat-pusat dialisis tidak boleh mengenakan caj melebihi RM60.00 kepada pesakit-pesakit.

Mulai 1 April 2009, KKM juga telah meluluskan bantuan suntikan erythropoietin kepada pesakit-pesakit buah pinggang yang menerima rawatan di pusat hemodialisis yang diiktiraf oleh KKM (bantuan ini adalah RM30.00 untuk setiap suntikan dan jumlah maksimum yang diberikan adalah sebanyak 13 kali suntikan untuk 2000 i.u. sebulan) Bagi pesakit jantung dari kalangan orang miskin boleh mendapatkan bantuan kewangan KKM untuk menjalani rawatan di Institut Jantung Negara, dengan syarat mereka telah mendapatkan rawatan awal di Hospital Kerajaan dan dirujukkan oleh hospital berkenaan ke Institut Jantung Negara. Kementerian Kesihatan Malaysia menyediakan bantuan kos rawatan untuk pesakit miskin, penjawat awam dan pesara kerajaan. Bagi pesakit miskin perlu menjalani sesi temuduga dengan Unit Taksiran KKM di UN bagi mendapatkan jumlah bantuan rawatan yang layak diterima.

Soalan No : 49

#### PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATUK ABD RAHMAN BIN BAKRI (SABAK BERNAM)
TARIKH	12.04.2010

#### SOALAN:

Y.B. DATUK ABD RAHMAN BIN BAKRI [ SABAK BERNAM ] minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memperkasakan Bahasa Melayu sejajar dengan taraf Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa kebangsaan khususnya penggunaan di media massa.

#### JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Masyarakat di negara ini, khususnya yang melalui sistem pendidikan kebangsaan sudah sedia terdedah kepada penggunaan bahasa Malaysia yang baik dan betul. Keadaan ini telah berlaku selama lebih daripada 30 tahun, iaitu semenjak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah Kerajaan mulai tahun 1970, selepas Akta Bahasa Kebangsaan 1967 diwartakan.

Di samping itu, KPM melalui Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah menyediakan pelbagai bahan rujukan seperti kamus, istilah dan buku pedoman dan panduan bahasa yang dapat membantu semua pihak menggunakan bahasa Melayu. Orang ramai juga boleh mendapatkan khidmat nasihat bahasa daripada DBP melalui laman web DBP, telefon, faksimile, e-mel atau datang sendiri ke pejabat DBP.

Kursus Bahasa Malaysia dan penulisan juga dikendalikan setiap tahun. Untuk membantu usaha ini, kerajaan telah melatih dan melantik Munsyi Dewan dan Pegawai Bahasa di seluruh negara.

KPM juga sentiasa mengadakan pemantauan dan memberikan teguran kepada mana-mana pihak yang tidak menggunakan Bahasa Malaysia yang baik dan betul, khususnya dalam semua urusan dan majlis rasmi. Dengan yang demikian, KPM berharap rakyat mendapat pendidikan bahasa yang secukupnya dan dapat menggunakan dalam urusan sehari-hari, termasuk dalam bidang media massa.

Rjm 105

**SJ.B/(111)**

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA**

**DATO' SERI ONG KA CHUAN  
(TANJONG MALIM)**

**PERTANYAAN**

**; LISAN**

**TARIKH**

**12.4.2010      5cajla\*j No - 50**

**Dato\* Seri Ong Ka Chuan (Tanjong Malim) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan impak pelaksanaan skim peiupusan kenderaan pada tahun 2009 ke atas industri automobil Negara dan keupayaan orang ramai memiliki kenderaan baru. Penetapan rebat sebanyak RM5,000 telah mempercepatkan susut nilai kenderaan dan meningkatkan beban hutang orang ramai untuk membiayai kenderaan baru jika ia dijadikan satu dasar oleh Kerajaan.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makian Yang Berhormat, mengikut rekod mulai 10 Mac 2009 sehingga 1 November 2009, sebanyak 31,046 baucar diskaun RM5,000 setiap unit kereta telah dikeluarkan oleh PROTON dan PERODUA. Bagi kenderaan Proton dan Perodua, purata penjualan keseluruhan kenderaan dari bulan April hingga Oktober 2009 telah meningkat kepada 190,670 unit berbanding tempoh yang sama pada tahun 2008 sebanyak 188,511 unit iaitu peningkatan sebanyak 1.5%.

Skim ini telah menggalakkan rakyat untuk memiiiki kenderaan baru yang iebih selesa dan di samping itu memberikan nilai tukar milik (*trade in value*) yang lebih tinggi kepada pemilik kenderaan lama. Selain itu, usaha ini dapat merangsang penjualan kenderaan di samping meningkatkan kesedaran rakyat supaya memelihara alam sekitar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR**

**TARIKH : 12 APRIL 2010**

**SOALAN :**

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan pembinaan rumah Kerajaan untuk dihadiahkan kepada Bekas Perdana Menteri di Jalan Persiaran Mahameru yang menelan belanja besar seperti yang dijanjikan oleh Timbalan Menteri Kewangan dalam persidangan yang lalu untuk memberi jawapan bertulis dan sehingga sekarang masih belum ditunaikan. Berapakah kos sebenar pembinaan rumah tersebut.

**JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang DiPertua,

Pembinaan rumah Kerajaan untuk dihadiahkan kepada Bekas Perdana Menteri adalah berdasarkan kelayakan di bawah Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980, Perintah Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan Jadual Pertama) 2003 [Akta 237] iaitu ketetapan mengenai elaun-elaun dan keistimewaan-keistimewaan bagi Bekas Perdana Menteri.

Berdasarkan Perkara 3, Akta Ahli parlimen (Saraan), 1980 [Akta 237] berkaitan dengan Tempat Kediaman, Kerajaan menyediakan empat (4) kemudahan kepada Bekas Perdana Menteri iaitu:

- (i) Disediakan Rumah Kerajaan dengan penuh kelengkapan dan diselanggarakan percuma;  
atau
- (ii) Jika menduduki rumah sendiri, Elaun Sewa Rumah layak dibayar sebanyak RM10,000 sebulan;  
atau
- (iii) Ditawarkan secara percuma sebuah Rumah Kerajaan yang seduai dengan status Bekas Perdana Menteri Malaysia. Sekiranya kemudahan ini diterima, Bekas Perdana Menteri tidak layak mendapat kemudahan (i) dan (ii);
- (iv) Jika memilih (ii) dan (iii) layak dibayar elaun penyelenggaraan

rumah mengikut kelayakan Menteri Persekutuan.

Sehingga 28 Februari 2010, prestasi fizikal Rumah kerajaan tersebut adalah mendahului jadual sebanyak 0.1% iaitu 45.9% (sebenar) berbanding Jadual sebanyak 45.8%.

Berkaitan dengan kos sebenar pembinaan rumah tersebut masih tidak dapat dipastikan kerana masih dalam pembinaan dan penyeliaan JKR, Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA : TUAN AZAN BIN ISMAIL**

**TARIKH : 12 APRIL 2010**

**SOALAN :**

**Tuan Azan bin Ismail [ Indera Mahkota ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah kes yang dikendalikan oleh pihak SPRM sepanjang tempoh 2009 sehingga kini serta berapakah jumlah kes yang telah diselesaikan.

**JAWAPAN:**      **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman YB Indera Mahkota, bilangan kes yang dikendalikan oleh pihak

**NO SOALAN: 5%>**

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sepanjang tahun 2009 sehingga 28 Februari 2010 termasuk kes-kes tahun-tahun sebelumnya adalah 1633 kes dan jumlah kes yang telah diselesaikan di peringkat siasatan sehingga 28 Februari 2010 pula adalah 1277 (78.2%). Dalam tempoh tersebut seramai 187 orang telah dituduh di mahkamah dan 268 Laporan SPM kepada Ketua- Ketua Jabatan bagi tindakan tatatertib.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

# PERTANYAAN Lisan

Lisan

**DARIPADA** Dr. Che Rosli bin Che Mat (Hulu Langat)

TARIKH 12 April 2010 ( Isnin )

**Dr. Che Rosli bin Che Mat meminta Perdana Menteri menyatakan:**

- (a) Jumlah kereta PROTON Exora dan PERODUA Alza yang berjaya dijual sejak ia dilancarkan bagi pasaran dalam negara dan antarabangsa; dan
  - (b) Sejauh mana ia dapat bersaing dengan kereta-kereta MPV dan SUV keluaran antarabangsa.

JAWAPAN

## **Tuan Yang DiPertua,**

Sejak dilancarkan pada 23 November 2009 sehingga 11 Mac 2010, model PERODUA Alza telah mencatatkan jualan tempatan sebanyak 11,888 unit. Sehingga kini, jumlah tempahan yang telah diterima untuk tempoh yang sama adalah 23,340 unit. Walau bagaimanapun, model ini masih belum diperkenalkan untuk pasaran antarabangsa.

Model PROTON Exora pula telah diperkenalkan untuk pasaran jualan tempatan pada 15 April 2009. Sejak dilancarkan sehingga 11 Mac

2010, PROTON telah menerima 33,296 unit tempahan untuk pasaran tempatan. Jumlah PROTON Exora yang telah dijual adalah sebanyak 23,486 unit. Di pasaran antarabangsa, PROTON telah melancarkan PROTON Exora di negara-negara ASEAN seperti di Singapura, Indonesia, Thailand dan Brunei. Sehingga Februari 2010, sebanyak 2,954 unit model PROTON Exora ini telah berjaya dijual. Sehingga kini, PROTON masih menerima tempahan yang menggalakkan daripada negara-negara tersebut. PROTON turut bercadang untuk menembusi lebih banyak pasaran antarabangsa di masa-masa akan datang.

Tuan Yang DiPertua,

Di Malaysia, MPV keluaran nasional bersaing dengan MPV jenama antarabangsa lain yang turut dipasang secara tempatan seperti Nissan Grand Livina, Chery Eastar, Naza Citra dan Kia Rondo. Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh *Malaysian Auto Trader* bagi tahun 2009, PROTON Exora berjaya menduduki tempat ketujuh manakala Grand Livina di tempat ke-9 bagi model kereta terbaik 2009. Bagi model MPV terbaik di Malaysia, Exora menduduki tempat pertama. Ini menunjukkan PROTON Exora berjaya menarik perhatian pembeli di Malaysia.

Dari segi harga, kebanyakan harga MPV di Malaysia adalah di antara RM70,000 hingga RM100,000. Harga MPV keluaran PROTON dan PERODUA pula masing-masing bermula pada harga RM58,000 dan RM56,000. Harga yang lebih rendah dan ruangan kabin yang lebih selesa telah menjadikan MPV keluaran nasional sebagai pilihan pembeli di Malaysia.

Dari segi kualiti pula, PROTON Exora mempunyai struktur rekabentuk badan yang kuat mengikut piawaian perianggaran yang ditetapkan oleh Eropah, Australia dan Gulf dan menerima sekurang-kurangnya dengan izin, *4star EuroNCAP* berbanding Avanza, Innova dan Livina. Ianya juga mempunyai rekabentuk yang membantu kestabilan dan pemanduan yang lancar. PROTON Exora juga didatangkan dengan BCM (*Body Control Module*) iaitu semua fungsi asas kereta dikawal oleh satu sistem integrasi yang sebelum ini hanya terdapat pada kereta-kereta mewah seperti BMW, Mercedes dan Toyota Camry dan secara tidak lansung menawarkan kelainan kepada MPV pertama di Malaysia ini.

PERODUA Alza pula mempunyai keunikannya yang tersendiri kerana merupakan MPV kompak yang menyerupai kedua-dua kereta penumpang dan MPV. Model ini memenuhi dengan izin, *Shipping Quality Audit Standard 7<sup>th</sup> Edition* oleh Daihatsu Motor Corporation, Jepun yang mana adalah setanding dengan Piawaian Toyota. Di samping meraih pelbagai pengiktirafan antarabangsa daripada agensi antarabangsa seperti TUV Rheinland dan *National Standards Authority of Ireland (NSAI)* terhadap kualiti kenderaannya, model ini

turut diberi status 4star di bawah dengan izin, *Malaysian Vehicle Assessment Programme (MyVAP) for Safety* yang dilaksanakan oleh *Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS)*.

**NO SOALAN : 54**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**LISAN**

**PERTANYAAN :**

**DARIPADA**

**Y.B DATO' DR. MOHAMAD  
SHAHRUM BIN OSMAN  
(LIPIS)**

**12 APR 2010 (ISNIN)**

**TARIKH**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan sejauh mana kebajikan bekas pegawai dan anggota Askar Wataniah yang dikerah berkhidmat sepenuh masa dalam Angkatan Tentera Malaysia diberi perhatian oleh Kementerian.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pegawai dan anggota Askar Wataniah (AW) yang dikerah sepenuh masa apabila menamatkan perkhidmatan selama 21 tahun atau lebih akan mendapat kemudahan kebajikan sama seperti anggota Angkatan Tetap yang bersara. Kementerian telah menubuhkan sebuah Jabatan khusus untuk menjaga kebajikan Veteran ATM iaitu Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV) yang telah beroperasi sejak tahun 2001 dengan mempunyai sembilan (9) cawangan negeri.

Mereka hanya perlu mendaftarkan diri di JHEV bagi memudahkan pihak JHEV menyalurkan bantuan kepada bekas pesara AW dalam menjaga kebajikan mereka. Kerajaan tidak membezakan pemberian Bantuan Kebajikan yang berkaitan dengan Skim-Skim berikut:

- a. Bantuan Sara Hidup**
- b. Bantuan kemasukan ke IPTA**
- c. Bantuan Persekolahan bagi anak Veteran diperingkat rendah dan menengah.**
- d. Bantuan Peralatan Pesakit**
- e. Bantuan Bencana**

Bagaimanapun bantuan tersebut hanya diberi sekiranya mereka wajar dibantu dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Prinsip asas pertimbangan pemberian bantuan kebajikan adalah berdasarkan keperluan mereka semata-mata.

Oleh itu Veteran ATM dari golongan Wataniah yang dikerah dan ditimpa masalah kedaifan, kemiskinan, atau tidak mempunyai pendapatan oleh pelbagai sebab layak dipertimbangkan untuk menerima bantuan Skim Kebajikan Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM. Di samping itu Yayasan Veteran ATM juga berperanan membantu kebajikan Veteran ATM dengan memberi Sumbangan Perayaan dan Khairat Kematian kepada bekas anggota Wataniah yang dikerah sepenuh masa.



**FEMBERITAHUAN**

**PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA	PE RT	LISAN
ANYAAN		Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO
KAWASAN		KLANG
TARIKH		12.04.2010 (ISNIN)
NO. SOALAN		55

Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO [Klang] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan mengapa Parlimen tidak diberikan peluang untuk mengkaji perjanjian FTA sebelum Kerajaan menandatangani perjanjian ini seperti yang diamalkan di negara ASEAN yang lain seperti Thailand. Adakah Kerajaan bercadang untuk membentuk Jawatankuasa Pilihan Parlimen untuk menghalusi perjanjian-perjanjian FTA.

TAWAPAN Tuan Yang Di Pertua,

Bagi Malaysia, mandat untuk memulakan sesuatu rundingan Perjanjian FTA sehingga ke peringkat menandatangani Perjanjian FTA berkenaan adalah di bawah bidangkuasa Kabinet. Walaubagaimanapun, sebelum sesuatu rundingan perjanjian perdagangan bebas dimulakan, konsultansi bersama semua *stakeholders*, dengan izin, diadakan. Ini termasuk Kementerian-Kementerian dan Agensi-Agenzi Kerajaan, sektor swasta, industri, serta persatuan-persatuan perniagaan. Semua input yang diterima akan menjadi asas kepada permintaan Malaysia terhadap rakan dagang, dan juga asas,

**Soalan No: 55**

kepada apa-apa pendirian Negara,



kepada mana-mana permintaan rakan dagang kepada Malaysia, terutama dalam konteks pembukaan pasaran, di Malaysia.

Tuan yang Di Pertua,

Selain itu, kajian kemungkinan turut dijalankan untuk menentukan bahawa perjanjian FTA tersebut akan memberi manfaat kepada negara. Cadangan dan hasil kajian tersebut akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri untuk keputusan sebelum mana-mana rundingan dimulakan.

Tuan Yang Di Pertua,

Keperluan untuk mendapatkan mandat bagi menandatangani sebarang perjanjian FTA berbeza dari satu negara ke negara yang lain bergantung kepada keperluan di bawah Perlembagaan negara berkenaan. Di bawah Perlembagaan negara Thailand sesuatu Perjanjian FTA perlu mendapat kelulusan daripada Parlimen Thailand terlebih dahulu sebelum Perjanjian FTA tersebut boleh ditandatangani. Peruntukan sedemikian tidak terdapat di dalam Perlembagaan Malaysia.

**NO. AUM : 36**

**NO. AUP : %**

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :**           **LISAN**

**DARIPADA**                   **DATO' JOHARI BIN ABDUL [ SUNGAI PETANI ]**

**TARIKH**                   **12 APRIL 2010**

**RUJUKAN**

**2466**

**SOALAN:**

**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan

- (a) sehingga Disember 2009 berapakah jumlah warganegara asing yang tinggal di negara ini melebihi tempoh yang dibenarkan; dan
- (b) adakah amalan pemberian Visa-On-Arrival (VOA) menjadi penyumbang kepada masalah ini.

**JAWAPAN:**  
Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Sungai Petani yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, warganegara asing yang melakukan kesalahan tinggal lebih masa di bawah Seksyen 15(4) Akta Imigresen 1959/63 akan ditangkap, didakwa dan diusir. Bagi tahun 2009, Jabatan Imigresen Malaysia telah melakukan sebanyak 7,099 operasi. Hasilnya 8,655 warganegara asing telah ditangkap kerana melakukan kesalahan tinggal lebih masa dan seramai 6,187 orang telah didakwa. Selain daripada itu, sebanyak 32,253 orang telah di kompaun di atas kesalahan yang sama.

Kemudahan VOA diperkenalkan bagi memenuhi keperluan pengeluaran visa di negara-negara yang tidak mempunyai pejabat perwakilan Malaysia atau kedudukan lokasinya yang agak jauh. Ia bukanlah penyumbang kepada masalah ini kerana negara-negara yang diberikan kemudahan VOA adalah sangat kecil iaitu Bangladesh, Bhutan, China, Comoros, Hong Kong, Myanmar, Nepal dan Taiwan membabitkan jumlah pengeluaran sebanyak 22,332 bagi tahun 2009. Walaupun bilangannya kecil, akan tetapi kawalan, pemantauan dan penguatkuasaan yang berterusan dijamin dapat membantu mengurangkan penyalahgunaan kemudahan ini oleh warganegara asing.

**SOALAN NO. 57**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :**

**JAWAB LISAN**

**DARIPADA                    YB TUAN TAN TEE BENG (PKR)**

**(NIBONG TEBAL)**

**TARIKH                    12 APRIL 2010 (ISNIN)**

**SOALAN**

**YB Tuan Tan Beng (PKR) (Nibong Tebal) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

menyatakan statistik keberkesanan langkah-langkah pemulihan yang diambil oleh Kerajaan kepada ibu-ibu muda yang terjebak dalam aktiviti-aktiviti tidak sihat seperti pengguguran dan pembuangan bayi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bertanggungjawab memberi perkhidmatan perlindungan dan pemulihan kepada ibu-ibu muda yang terjebak dalam aktiviti-aktiviti tidak sihat seperti pengguguran dan pembuangan bayi dengan menyediakan tempat perlindungan seperti Taman Seri Puteri dan Pusat Jagaan Sinar Kasih.

Jumlah kanak-kanak yang telah berjaya menjalani program pemulihan dan perlindungan di kedua-dua institusi tersebut bagi tahun 2009 ialah sebanyak tiga ratus enam puluh sembilan (369) orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang berada di institusi tersebut, kanak-kanak ini mengikuti program pemulihan seperti pendidikan agama, pendidikan moral, program pembangunan modal insan, program jati kendiri, program rekreasi serta latihan kemahiran dalam bidang komputer dan solekan. Selain itu, khidmat bimbingan dan kaunseling juga disediakan agar mereka mempunyai keyakinan dan motivasi untuk meneruskan kehidupan.

**NO. AUM : 37**

**NO. AUP :**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

DARIPADA	PER	LISAN
YAAN	TAN	
		<b>DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [ KENINGAU ]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>12 APRIL 2010</b>	
<b>RUJUKAN</b>	<b>2584</b>	

**SOALAN**

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan boleh menetapkan NKRA dalam bidang penghapusan masalah kehadiran PTI (Pendatang Tanpa Izin) menjelang tahun 2012 supaya fokus dan komitmen Kerajaan benar-benar jelas

dan kelihatan serius oleh rakyat.

**JAWAPAN:**  
Tuah Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Keningau yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Kerajaan belum membuat keputusan untuk menetapkan penghapusan masalah kehadiran Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) sebagai Bidang Keberhasilan Utama Kebangsaan (NKRA) menjelang tahun 2012. Walau bagaimanapun, semua isu mengenai warganegara asing (seperti pekerja asing, pelajar asing dan PATI) adalah menjadi agenda utama dalam Makmal Pengurusan Warga Asing yang berlangsung dari 23 Mac 2010 sehingga 23 April 2010. Apabila makmal berkenaan selesai, Kerajaan akan menimbang semua inisiatif yang dicadangkan dan membuat keputusan bila tiba masanya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAG! JAWAB IJSAN  
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN :

LISAN

DARIPADA

DATUK

AHMAD SAPAWI BIN AHMAD

[ SIPITANG ]

TARIKH

12 APRIL 2010

RUJUKAN

2467

SOALAN:

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [ Sipitang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan usaha dan pendekatan yang diambil untuk memperkasa

## **SOALAN NO: 17**

perkhidmatan PDRM terutama dari segi aset dan pembangunan modal insan, untuk memperkuatkan lagi sistem keselamatan dalam negara, selaras dengan kenaikan skim gaji baru yang diumumkan baru-baru ini. Aset termasuk pembelian kelengkapan seperti bot peronda marin, kereta peronda polis, helikopter untuk unit udara dan kelengkapan persenjataan, manakala modal insan bermaksud latihan kepolisian bersama negara-negara maju lain.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sipitang yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, selaras dengan penjenamaan semula PDRM, beberapa langkah-langkah telah diambil untuk menambah baik aset dan pembangunan modal insan bagi mempertingkatkan lagi tahap kecekapan PDRM. Penambah baikan aset yang dibuat ini adalah bermatlamat untuk mempertingkatkan kemampuan PDRM dalam memerangi kegiatan jenayah yang melibatkan penggunaan laluan darat, laut dan udara.

Tuan Yang Dipertua,

Sebanyak RM72.078 juta diperuntukkan bagi meningkatkan kemampuan unit darat PDRM melalui penambahan bilangan kenderaan-kenderaan peronda yang baru. Manakala sebanyak 237.8 juta lagi diperuntukkan untuk menambah baik unit marin PDRM di mana bilangan bot-bot peronda serta kelengkapan menyelam turut ditambah secara berperingkat. Tidak ketinggalan, unit udara PDRM di mana sebanyak RM226.2 juta diperuntukkan bagi mempertingkatkan lagi kemampuan meninjau unit tersebut. Di samping itu, sebanyak RM165.3 juta diperuntukkan bagi menambah baik persenjataan PDRM dan sebanyak RM1.3 bilion diperuntukkan untuk menambah baik sistem ICT PDRM.

Tuan Yang Dipertua,

**Sekian BERPANJANG** PDRM juga telah mengemukakan permohonan peralatan dan kelengkapan bagi Bidang Keberhasilan Utama Negara atau (NKRA) bagi mempertingkatkan penguatkuasaan bagi kawasan- kawasan panas (hotspots) kepada Kementerian Kewangan pada 14 September 2009 melibatkan anggaran peruntukan sejumlah RM 302 juta.

Tuan Yang Dipertua,

Dari aspek latihan, modul-modul di pusat latihan polis sedang disemak dan ditambahbaik bagi menjamin kualiti anggota dan pegawai polis yang berkhidmat di lapangan kelak. Selain itu, melalui latihan dalam perkhidmatan dan kursus-kursus yang diadakan seperti Kursus Perintah Tinggi Antarabangsa dan Bengkel Hak Asasi Manusia untuk Pegawai Latihan Polis Asean, ini secara tidak langsung akan meningkatkan kebolehan peserta-peserta yang terdiri daripada Pegawai Kanan Polis Diraja Malaysia dan Pegawai Polis daripada negara lain khususnya berhubung pengurusan Perintah dan Kawalan di dalam organisasi. Silibus yang dilaksanakan dalam kursus-kursus berkenaan adalah direka untuk membolehkan para

peserta berkongsi pengetahuan, kepakaran dan pengalaman dalam mengenal pasti serta memahami isu-isu kepolisan semasa dan juga masa akan datang. Setiap peserta juga akan didedahkan mengenai isu-isu berkaitan Hak Asasi Manusia dan sekaligus meningkatkan kesedaran sewaktu menjalankan penugasan kepolisan di negara masing-masing.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman ahli yang berhormat dan Dewan yang mulia ini, setakat ini, PDRM mempunyai memorandum persefahaman (MoU) dengan pasukan Polis Persekutuan Australia dalam bidang kerjasama latihan dan perisikan.

**SOALAN NO: 60**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

<b>DARIPADA</b>	<b>PE RT AN YA AN</b>	<b>LISAN</b>
<b>TARIKH</b>		<b>YB DATUK SERI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]</b>
		<b>ISNIN, 12 APRIL 2010</b>

**RUJUKAN :        11 [PR-1231-L35828]**

**SOALAN**

**Datuk Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI WILAYAH  
PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR****

menyatakan strategi pembangunan Kg Baru Kuala Lumpur untuk memastikan pemilikan Melayu/Bumiputera kekal.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Marang, sejak tahun-tahun 1970an lagi, Kerajaan telah berusaha untuk memajukan Kampung Bharu bagi memastikan pembangunannya seimbang dengan kawasan sekitar.

Kampung Bharu telah dikenalpasti sebagai **Kawasan Pembangunan Komprehensif** dalam **Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020**. Justeru, satu dokumen khusus iaitu **Pelan Temoatan Kampong Bharu (PTKB) vana**

**SOALAN NO: 61**

**dikenali sebaaai Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur**

**(DPBRKL2020^ Jilid 4: Karrmona Bharu** telah disediakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Tujuan utama DBKL menyediakan draf ini adalah bagi merancang dan mengawal pembangunan di Kampong Bharu.

Dalam hal ini, DPBRKL2020 yang merangkumi perancangan terperinci bagi Kampong Bharu yang meliputi konsep pembangunan, cadangan pembangunan dan mekanisme pelaksanaan telah disediakan pada tahun **2006**. Draf ini kemudiannya telah dipamerkan kepada orang awam pada 15 Mei hingga 30 Jun 2008.

DPBRKL2020 ini mengandungi cadangan konsep pembangunan, zon guna tanah dan intensiti pembangunan serta mekanisme pelaksanaan. Pelan ini akan menjadikan Kampong Bharu sebagai pusat pertumbuhan ekonomi baru di pusat bandaraya melalui peranan strategik seperti berikut :

- (i) Kampong Bharu sebagai kawasan perniagaan;
- (ii) Kampong Bharu sebagai pusat kebudayaan dan pelancongan; dan
- (iii) Kampong Bharu sebagai kawasan kediaman utama di pusat bandar (urban living).

**Dalam usaha untuk memastikan pemilikan Melayu/Bumiputera di Kampong Bharu kekal, Kerajaan mengambil pendekatan membenarkan hak milik tanah di kawasan ini kekal sebagai milik orang Melayu sahaja.**

Ini adalah selaras dengan sekatan kepentingan hakmilik (geran) tanah di Kampong Bharu yang menyatakan "*tanah yang diberimilik ini tidak boleh diduduki atau dipindahmiiik kepada bukan Melayu atau dengan izin "The land hereby alienated shall not be transferred to or occupied by a non-Malay".*

Berdasarkan pandangan-pandangan awam yang diperolehi selepas DPBRKL2020 dipamerkan, pihak Kerajaan sedang dalam tindakan susulan untuk menyelesaikan isu-isu utama berkaitan Kampong Bharu, seperti berikut :

- (i) menentukan konsep pembangunan yang akan dilaksanakan;
- (ii) menyelesaikan isu-isu tanah di Kampong Bharu; dan
- (iii) menubuhkan sebuah perbadanan yang akan melaksanakan pembangunan Kampong Bharu.



**NO SOALAN: Gi**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN  
DARIPADA**

**LISAN TUAN AMRAN BIN AB  
GHANI**

**TARIKH**

**12 APRIL 2010 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) jumlah permit taxi yang dikeluarkan kepada individu yang sudah memandu taxi lebih daripada 5 tahun di seluruh negara; dan
- (b) apakah syarat pertimbangan yang digariskan seperti jumlah tahun memandu taxi dikenakan bagi meluluskan setiap permohonan individu berkenaan.



**JAWAPAN :** **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI Tuan**

**Yang Dipertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 8 April 2010, sebanyak 10,756 lesen teksi telah dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) kepada individu yang telah memandu teksi lebih daripada lima (5) tahun di seluruh Semenanjung Malaysia. Antara syarat utama yang akan dipertimbangkan ke atas permohonan lesen teksi individu ialah mempunyai pengalaman memandu teksi bagi tempoh lima (5) tahun dan ke atas. Selain itu, LPKP juga turut mempertimbangkan syarat-syarat seperti berikut:-

- i) Warganegara Malaysia;
- ii) Berumur tidak lebih 60 tahun pada tarikh memohon;
- iii) Mendapat sokongan daripada pemimpin tempatan dan syarikat tempat pemandu bekerja;
- iv) Ahli persatuan atau koperasi teksi;
- v) Mengemukakan sijil-sijil yang pernah disertai oleh pemohon; dan
- vi) Selesai semua tunggakan saman daripada LPKP, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

**NO. SOALAN : 62**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA YB TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH**

**[SUBANG]**

**TARIKH 12 APRIL 2010**

**SOALAN**

Tuan Sivarasa a/l K.Rasiah [ Subang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang mewujudkan satu Jawatankuasa Tetap Khas atau Suruhanjaya Diraja menyelesaikan isu-isu yang berkaitan Agama Islam dan bukan Islam khususnya untuk menangani isu-isu pertindihan perundangan di antara undang-undang syariah dan sivil berkaitan dengan kes-kes penukaran agama dan perselisihan keluarga, waris dan harta.

**JAWAPAN:** **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Perkara yang dibangkitkan oleh YB Subang ini telah dilaksanakan oleh Kerajaan. Satu Jawatankuasa Khas telah pun ditubuhkan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Datuk Ilani Ishak dan dianggotai oleh ketua pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim), wakil Majlis Perundingan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao (MCCBCHST), Allied Coordinating Comitte for Islamic NGOs (ACCIN), ahli akademik, selain wakil dari Sabah dan Sarawak.

Sekian, Terima kasih.

NO. AUM : 48

NO. AUP : (\*I

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH [  
KALABAカン ]

TARIKH **12** APRIL 2010

RUJUKAN 2468

SOALAN:

Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [ Kalabakan ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah pelan tindakan jangka segera dan panjang untuk membanteras secara mutlak aktiviti penghambaan dengan cara membawa masuk secara haram pendatang tanpa izin ke Sabah.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kalabakan yang telah mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian ingin memaklumkan bahawa selain penguatkuasaan Akta Antipemerdagangan Orang 2007, Kerajaan juga telah melancarkan Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang 2010-2015. Untuk jangka masa pendek (1 hingga 2 tahun), tumpuan akan diberikan kepada mempertingkatkan kerjasama di kalangan agensi-agensi Kerajaan dan juga dengan pihak yang berkaitan, mempertingkatkan kawalan sempadan, mengadakan program-program bina upaya termasuk latihan untuk pengajar/pakar, mengadakan program-program kesedaran awam serta mewujudkan kerjasama strategik di peringkat serantau dan antarabangsa.

Manakala, bagi jangka masa sederhana (3 hingga 4 tahun), fokus adalah kepada menguruskan pengurangan pekerja-pekerja warga asing dan memperkuuhkan perundangan domestik bagi menyokong Akta

Antipemerdagangan Orang 2007 dalam mencegah jenayah pemerdagangan orang. Program jangka masa panjang pula adalah untuk meneruskan program-program jangka masa pendek dan sederhana, mengurangkan kadar kes jenayah pemerdagangan orang dan melahirkan personel yang berkemahiran serta berpengetahuan mengenai jenayah ini terutamanya yang berkait dengan polisi, pencegahan, perlindungan dan pemulihan termasuk pendakwaan.

Sidang Dewan yang dihormati sekalian,

Pelbagai langkah telah diambil bagi menangani isu pemerdagangan orang dengan mempertingkatkan penguatkuasaan di pintu-pintu masuk untuk mengelakkan daripada berlakunya kegiatan penyeludupan di Malaysia serta bekerjasama dengan negara-negara jiran bagi membantu melicinkan proses penyiasatan dan penangkapan. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan berusaha bersungguh-sungguh membanteras gejala penyeludupan di mana pelbagai inisiatif telah diambil dengan memberi pendedahan mengenai perkara ini di media-media cetak dan media elektronik. Dengan usaha yang telah dijalankan dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan, diharapkan supaya kegiatan perhambaan ini dapat ditangani seterusnya imej negara

**Soalan No : 64**

dapat dipulihkan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

## **SOALAN NO: 65**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE

(TENGGARA)

TARIKH

12.04.2010

### **SOALAN:**

Y.B. DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE [ TENGGARA ] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan kemasukan murid-murid ke tahun satu pada usia enam tahun berbanding usia tujuh tahun pada masa kini.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada dasarnya umur persekolahan murid tahun satu sekarang adalah dalam lingkungan usia 6+ tahun. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memang sedang mengkaji kesesuaian pelaksanaan persekolahan rendah pada usia 5+ tahun. Cadangan ini perlu mengambil kira kesediaan Kerajaan untuk menyediakan infrastruktur, guru dan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun, usaha untuk memberikan pendidikan kepada kanak-kanak dalam lingkungan usia yang sama telah disediakan melalui pelaksanaan program prasekolah.

**Soalan No : 66**

**DARIPADA**

**TARIKH**                    **PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**  
**YB TUAN WEE CHOO KEONG [WANGSA MAJU]**

**RUJUKAN**                **ISNIN, 12 APRIL 2010**

**SOALAN**

**PERTANYAAN**            **LISAN 13**                **[PR-1231-L36792]**

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

menyatakan mengapakah pihak DBKL kerap kali enggan mengambil tindakan terhadap aktiviti perjudian secara 'online' di siber kafe di seluruh Kuala Lumpur dan khususnya di Wangsa Maju, sedangkan hal ini sudah disahkan oleh pegawai DBKL sendiri yang mengakui akan kewujudan aktiviti haram ini secara berleluasa di kebanyakan siber kafe di Wangsa Maju atau adakah ini merupakan polisi baru DBKL dan Kementerian iaitu melindungi aktiviti haram ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Wangsa Maju, perkhidmatan internet dan apa-apa aktiviti yang melibatkan perkhidmatan yang dilaksanakan menerusi internet adalah tidak tertakluk di bawah mana-mana undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Dalam hal ini, DBKL hanya dapat mengambil tindakan undang- undang ke atas aktiviti-aktiviti yang melibatkan perniagaan lain yang dilesenkan dan turut sama dijalankan semasa aktiviti perkhidmatan internet tersebut berlangsung.

Justeru, dalam usaha untuk melaksanakan tindakan penguatkuasaan terhadap aktiviti perjudian 'online' DBKL telahpun menyediakan **Draf Undang-Undang Kecil Pusat Siber dan Kafe Siber** kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar untuk dikemukakan kepada Peguam Negara bagi membolehkan aktiviti berkaitan perkhidmatan internet dilesenkan.

Oleh itu, sehingga terdapatnya suatu undang-undang khusus mengenai perkhidmatan internet dan aktiviti berkaitan, maka DBKL tidak dapat mengambil apa-apa tindakan melainkan jika terdapat kesalahan menjalankan aktiviti perniagaan tanpa lesen di premis berkaitan.

**SOALAN NO. 66**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**YB DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN**

**SOALAN**

**12 APRIL 2010 (ISNIN)**

**Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta PERDANA MENTERI**

menyatakan senarai perjanjian dalam 20 Perkara (20 points) Sabah bagi pembentukan Malaysia oleh Suruhanjaya Cobbold yang telah dikaji semula dan dimansuhkan dan bagaimanakah perjanjian ini dapat mengekalkan keistimewaan rakyat Sabah.

**DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

**JAWAPAN:** **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Perjanjian Penubuhan Negara Malaysia (*Malaysia Agreement*) telah ditandatangani di antara Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura pada 9 Julai 1963. Perjanjian ini antara lainnya merangkumi 20 kehendak yang diutarakan oleh Sabah dan 18 kehendak oleh Sarawak bagi mencapai maksud penubuhan Negara Malaysia. Tujuan Sabah mengutarakan kehendak tersebut adalah bagi melindungi kepentingan, hak-hak serta kuasa autonomi rakyat Sabah setelah penubuhan Malaysia kelak.

Semenjak tahun 1963 sehingga kini, 20 Perkara tersebut tidak pernah dikaji semula atau dimansuhkan. Hak-hak serta kuasa autonomi rakyat Sabah adalah dilindungi dengan kukuh bukan sahaja dalam Perlembagaan Negeri Sabah malahan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan perundangan negara.

Perlembagaan Persekutuan telah menjaga keistimewaan rakyat negeri Sabah dengan memperuntukkan jaminan dan keistimewaan tertentu. Jaminan dan keistimewaan tersebut jelas dilihat dalam Fasal (1) Perkara 153 yang menyatakan “*Menjadi tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong untuk melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara Negeri Sabah dan Sarawak dan kepentingan sah kaum-kaum lain mengikut peruntukan Perkara ini.*”. Status bumiputera yang telah diberikan oleh pihak Kerajaan telah juga menambahkan keistimewaan serta pemeliharaan bagi hak-hak rakyat Sabah.

Selain itu, Perkara 161 A, 161B, 161C, 161D dan 161E telah dijadikan sebahagian daripada Perlembagaan Persekutuan melalui Akta Malaysia [Akta 62/1963]. Akta Malaysia telah dibuat oleh Parlimen berdasarkan *Malaysia Agreement*. Di bawah peruntukan-peruntukan tersebut, hak anak Negeri Sabah terjamin dari segi amalan agama, penggunaan bahasa dan layanan istimewa. Kedua-dua perkara 153 dan 161A bertujuan memberi pengiktirafan ras asli Sabah yang secara langsung memberi kelayakan diiktiraf sebagai ‘bumiputera’ bagi maksud menikmati keistimewaan yang diperuntukkan di bawahnya.

Fasal (2)(b) Perkara 161E Perlembagaan Persekutuan jelas menyatakan bahawa Negeri Sabah perlu dirundingi sebelum apa-apa pindaan boleh dibuat berkenaan dengan keanggotaan dan bidang kuasa Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak dan perlantikan, pemecatan dan pengantungan hakim-hakim mahkamah itu. Jaminan ini juga diperkuuhkan lagi dengan penerusan pemakaian Advocate Ordinance Sabah 1953 di Negeri Sabah untuk penerimaan masuk peguam bagi Negeri tersebut walaupun terdapatnya Akta Profesional Undang-Undang 1976 yang mempunyai kuat kuasa di seluruh Malaysia. Seksyen 2 Akta Profesional Undang-Undang 1976 menetapkan bahawa pemakaianya di Sabah hendaklah dengan ubah suaihan yang dibuat melalui perintah oleh Yang di-Pertuan Agong.

Berkaitan dengan perkara imigresen pula, hak untuk memasuki Negeri Sabah juga dilindungi di bawah Perlembagaan Persekutuan dan perundangan persekutuan. Fasal (3) Perkara 9 Perlembagaan Persekutuan ditambahkan secara khusus untuk mengambil kira kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam Malaysia. Fasal ini membolehkan Parlimen membuat undang-undang bagi mengenakan sekatan ke atas kebebasan bergerak antara Negeri yang berada dalam

kedudukan istimewa (Sabah dan Sarawak) berbanding dengan Negeri- Negeri Tanah Melayu. Fasal ini mula berkuat kuasa pada tahun 1963. Sehubungan dengan kemasukan Fasal ini, peruntukan khas telah dimasukkan ke dalam Akta Imigresen 1959/63 yang antara lainnya memperuntukkan bahawa hak untuk memasuki Negeri Malaysia Timur (Negeri Sabah dan Sarawak) memerlukan permit atau pas, sebagai misalannya - seksyen 66 Akta Imigresen 1959/63 memperuntukkan bahawa "... seseorang warganegara tidak berhak memasuki Negara Malaysia Timur tanpa mendapatkan suatu Permit atau Pas bagi maksud itu melainkan - (a) ia berasal dari Negara Malaysia Timur..".

Kedudukan khas serta keistimewaan rakyat Sabah termaktub dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan dan juga Perkara 161E. Fasal (2) Perkara 161E Perlembagaan Persekutuan memelihara kedudukan Perlembagaan Negeri Sabah secara kukuh dengan memperuntukkan bahawa "*Tiada pindaan boleh dibuat kepada Perlembagaan ini tanpa persetujuan Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri Sabah atau Sarawak atau tiap-tiap satu daripada Negeri Sabah dan Sarawak yang berkenaan itu, jika pindaan itu ialah yang akan menyentuh perjalanan kuat kuasa Perlembagaan berkenaan dengan mana-mana perkara yang berikut:*

- (a) *Hak orang yang lahir sebelum Hari Malaysia untuk menjadi warganegara oleh sebab perhubungan mereka dengan Negeri itu dan layanan sama rata berkenaan dengan kewarganegaraan mereka sendiri dengan kewarganegaraan orang lain, bagi orang yang lahir atau bermastautin di Negeri itu dan bagi orang yang lahir atau bermastautin di Negeri-Negeri Tanah Melayu;*
- (b) *Keanggotaan dan bidang kuasa Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak dan pelantikan, dsb. Hakim mahkamah itu;*
- (c) *Perkara yang mengenainya Badan Perundangan Negeri boleh atau Parlimen tidak boleh membuat undang-undang dan kuasa Eksekutif Negeri itu dan perkiraan kewangan antara Persekutuan dengan Negeri itu;*
- (d) *Agama dalam Negeri itu, penggunaan bahasa di dalam Negeri itu atau di dalam Parlimen dan layanan istimewa bagi anak Negeri itu;*
- (e) *Penguntukan bagi Negeri itu dalam mana-mana Parlimen yang dipanggil bermesyuarat sebelum Ogos 1970...suatu kuota ahli-ahli Dewan Rakyat yang tidak kurang... daripada kuota yang*

*diuntukkan bagi Negeri itu pada Hari Malaysia.*

Selain perkara yang dinyatakan dalam Fasal (2) Perkara 161E itu, Fasal (4) Perkara 161E Perlembagaan Persekutuan menjamin bahawa apa-apa hak dan kuasa yang telah diberikan oleh undang-undang persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sabah berkenaan dengan kemasukan ke dalam Negeri itu dan kemastautinan dalam Negeri itu tidak boleh dipinda tanpa persetujuan Yang di-Pertua Negeri Sabah.

Daripada ini dapat dilihat dengan jelas bagaimana senarai perjanjian 20 perkara yang diutarakan oleh Sabah bagi pembentukan Malaysia oleh Suruhanjaya Cobbold telah dapat mengekalkan keistimewaan rakyat Sabah daripada tahun 1963 sehingga kini.

Sejak Malaysia mencapai kemerdekaan sehingga kini, jaminan dan keistimewaan yang diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan kepada rakyat Sabah adalah muktamad dan tiada undang-undang lain yang boleh digubal bagi menyentuh, mengurangkan atau merampas keistimewaan tersebut. Ia merupakan suatu hak yang kukuh dan tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak. Sekian. Terima kasih.

**NO SOALAN: 5%>**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO**

**TARIKH : 12 APRIL 2010**

**SOALAN :**

**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa kes rasuah dalam 3 tahun lalu yang melibatkan peguam, hakim, pegawai-pegawai dan kakitangan badan kehakiman serta status serta tindakan yang telah pun ataupun akan diambil berkenaan.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**JAWAPAN:**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang DiPertua,

Sepanjang tempoh tiga tahun yang lepas (2007 hingga 2009), 4 orang Hakim, 3 orang Majistret, 2 orang peguam dan 22 orang pegawai serta kakitangan yang berkhidmat di Badan Kehakiman telah disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) / Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Dalam tempoh yang sama BPR/SPRM telah menangkap seorang Hakim, seorang Majistret, 2 orang peguam dan 7 orang pegawai serta kakitangan yang berkhidmat di Badan Kehakiman. Dalam tempoh tiga tahun tersebut, seorang Hakim, seorang peguam dan seorang kakitangan yang berkhidmat di Badan Kehakiman telah dituduh di Mahkamah.

Untuk makluman YB Puchong, terdapat juga Laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (LSPRM) diedarkan untuk tindakan tatatertib terhadap seorang Hakim, seorang Peguam dan 11 orang dari kalangan pegawai serta kakitangan yang berkhidmat di Badan Kehakiman.

**NO. SOALAN : 68**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN    LISAN**  
**DARIPADA    YB TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB**

**[ KUBANG KERIAN ]**

**TARIKH    12 APRIL 2010**

**SOALAN**

**Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah perbezaan pandangannya dengan pandangan Pegawai Khasnya, Datuk Nasir Safar yang dilaporkan menuduh kaum bukan Melayu di negara ini asalnya adalah pendatang dan peminta sedekah malah orang-orang Cina, terutama wanita, datang ke sini untuk menjual tubuh.**

**JAWAPAN:**      **(DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ)**

Tuan Yang di-Pertua,

Pendirian YAB Perdana Menteri adalah jelas.

Beliau sama sekali tidak bersepakat dengan Datuk Nasir Safar.

Sekian, Terima kasih.



**SOALAN NO: 69**

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

Lisan

**DARIPADA**

**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ]**

**TARIKH** : 12 April 2010

**SOALAN**

**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ]** minta  
**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian untuk membantu pengusaha-pengusaha ternakan ikan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia mempunyai beberapa program bertujuan meningkatkan daya saing pengusaha akuakultur dari segi pengeluaran serta membantu mereka dalam menghadapi kenaikan kos bahan-bahan input ternakan. Antara program yang dijalankan oleh Jabatan Perikanan Malaysia adalah:

- a. Pengajuran kursus ternakan ikan akuakultur dibawah Program Pemindahan Teknologi Akuakultur yang diberikan secara percuma kepada individu-individu yang berminat untuk menceburi industri akuakultur. Komponen kursus merangkumi teknik pembiakan, ternakan, pemasaran dan analisis ekonomi mengenai pasaran akuakultur.

- b. Latihan sangkut memberikan penerapan teknologi secara lebih dekat melalui latihan praktikal yang dijalankan di Pusat Pengembangan Akuakultur dan Pusat Penyelidikan Jabatan Perikanan. Latihan ini melibatkan tempoh satu pusingan ternakan atau tempoh yang sesuai.
- c. Penganjuran bengkel/ seminar/ pameran yang memberi pendedahan kepada golongan muda untuk menyertai bidang akuakultur.
- e. Penggalakkan penternak akuakultur menyertai persatuan akuakultur sedia ada seperti Persatuan Industri Ternakan Udang Laut Malaysia dan Persatuan Penternak Ikan Hiasan yang boleh dijadikan platform kepada golongan ini untuk memperolehi maklumat mengenai teknologi dan pemasaran.

Disamping itu, Jabatan Perikanan Malaysia juga mempunyai program yang menyampaikan bantuan secara terus kepada pengusaha akuakultur iaitu:

**(a) Insentif Pengeluaran di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan, 2008-2010**

Di bawah skim ini, bantuan diberikan kepada penternak akuakultur berdasarkan hasil pengeluaran. Ini bertujuan untuk mengurangkan beban yang terpaksa ditanggung oleh penternak ekoran kenaikan kos operasi. Bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2008, sebanyak RM17,318,747 telah dibayar kepada 1,514 pemohon insentif. Pada tahun 2009 pula, sebanyak RM107,091,267.17 kepada 7,428 pemohon insentif.

**(b) Sistem Penyampaian dan Khidmat Sokongan Akuakultur (SPeKS Akuakultur).**

Sistem ini merupakan satu mekanisme penyampaian bantuan kepada kumpulan sasar dimana permohonan bantuan bagi pelaksanaan projek adalah dibuat melalui

Jawatankuasa SPeKS Akuakultur yang ditubuhkan di Jabatan Perikanan di peringkat ibu pejabat dan negeri.

Bantuan merangkumi semua program perkhidmatan Jabatan dalam bidang akuakultur yang merangkumi aspek perkhidmatan khidmat nasihat, infrastruktur, teknologi, input dan peralatan disalurkan kepada pengusaha ternakan akuakultur.

Berdasarkan garis panduan pelaksanaan SPeKS Akuakultur, setiap program terbahagi kepada 4 kategori iaitu mikro, kecil, sederhana dan komersial. Nilai bantuan SPeKS Akuakultur bagi pengusaha di peringkat percubaan adalah seperti berikut:

- (i) Mikro - had maksimum RM100,000;
- (ii) Kecil - had maksimum RM200.000;
- (iii) Sederhana - had maksimum RM500.000; dan
- (iv) Komersial - had maksimum RM1 juta.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN  
KEDUA BELAS (2010)**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**Y.B. Tuan Muhammad bin Husain  
(Pasir Putih)**

**TARIKH**

**12 April 2010**

**SOALAN:**

**Tuan Muhammad bin Husain (Pasir Putih) minta PERDANA MENTERI**

menyatakan bilakah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia bercadang untuk mempastikan kewajipan logo halal diperluaskan kepada bidang penerbitan filem dan drama yang kelihatan sudah dicemari dengan unsur-unsur yang bertentangan dengan akidah Islam?

**JAWAPAN : (Y.B. MEJAR JENERAL DATO\* SERI JAMIL KHIR BIN HAJI  
BAHAROM(B), MENTERI DI JABATAN PERDANA  
MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara dasarnya permohonan halal melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) hanya tertumpu kepada produk makanan, kosmetik, premis makanan dan rumah sembelihan. Pensijilan halal Malaysia yang dilaksanakan oleh JAKIM tertakluk kepada ISO/IEC Guide 65 dan MS1500:2009 yang menetapkan pensijilan halal hanya tertumpu kepada produk makanan dan bahan gunaan sahaja. Oleh yang demikian adalah tidak sesuai pensijilan halal di perluaskan kepada bidang penerbitan filem dan drama.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bagi bidang penerbitan filem dan drama, ianya terletak di bawah kuasa Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) dan juga Kementerian Dalam Negeri (KDN). Dalam konteks ini, JAKIM telah mengeluarkan garis panduan asas untuk penerbitan filem dan

**Soalan NO: 71**

percetakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT. MALAYSIA**

PERTANYAAN DARIPADA	:	LISAN Y.B. DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM
KAWASAN		BAYAN LEPAS
TARIKH NO. SOALAN		12.4.2010 (Isnin)

Y.B. DATO' SERI ZAHRAIN <sup>71</sup> MOHAMED HASHIM minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan adakah benar dakwaan yang menyatakan bahawa pelabur asing telah hilang kevakinan terhadap sistem perundangan negara. Apakah usaha yang dilakukan bagi memulihkan perkara ini.

**Jawapan**

Tuan Yang Di Pertua,

Pelabur asing masih vakin dengan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelaburan yang menarik, berdava saina dan dinamik. Pada tahun 2009, walaupun suasana ekonomi dan kewangan global mengalami keiatuhan, jumlah pelaburan yang telah diluluskan di dalam sektor perkilangan di Malaysia adalah bernilai RM32.6 bilion di dalam 766 projek. Daripada jumlah tersebut, pelaburan asing (FDI) berjumlah RM22.1 bilion atau 67.8 peratus.

Jumlah RM32.6 bilion ini adalah RM5.1 bilion atau 18.5 peratus lebih tinggi daripada sasaran tahunan sebanyak RM27.5 bilion yang ditetapkan di bawah Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3).



Inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk memastikan suasana pelaburan dan perniagaan yang kondusif ternyata menvakinkan para pelabur agar terus melabur di Malaysia. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah:

- penubuhan Mahkamah Komersil atau “New Commercial Courts”, dengan izin, di Kompleks Mahkamah Jalan Duta pada 1 September 2009 yang dapat menyelesaikan kes-kes komersil dalam masa 270 hari berbanding 600 hari sebelum ini;
- penubuhan Mahkamah Harta Intelek atau “Intellectual Property Court”, dengan izin, pada Julai 2007 bagi menyelesaikan kes-kes sivil dan jenayah berkaitan harta intelek:
- penubuhan Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) bertujuan untuk meningkatkan laju sistem penyampaian keraian dan mengatasi isu birokrasi yang wujud di dalam urusan di antara peniaga dan Kerajaan;
- meliberalisasikan 27 subsektor di bawah sektor perkhidmatan mulai April 2009: dan
- melonggarkan Garis Panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) pada 30 Jun 2009 untuk memperkuatkan persekitaran perniagaan dan kawal selia bagi menarik lebih banyak pelaburan ke Malaysia.

Tuan Yang Di Pertua,

Keraian akan terus melaksanakan inisiatif sedia ada dan memperkenalkan inisiatif baru bagi memastikan Malaysia kekal sebagai destinasi pelaburan yang terpilih dan para pelabur terus vakin dengan keupayaan Malaysia sebagai pusat pelaburan yang berdava saing.